**فتيقن تيته**

**PETIKAN TITAH**

"DENGAN kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dunia ini telah bertukar rupa, dari gelap gelita kepada terang-benderang. Jiwa buas manusia dapat dijinakkan menjadi lebih tenang dan bertimbang rasa."
- Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Pelita BRUNEI

فليتا بروني

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

**مانيسڽ ايمان**

**MANISNYA IMAN**

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang berwuduk dan menyempurnakan wuduknya kemudian dia pergi ke masjid untuk menunaikan Jumaat, lalu mendengar dan tidak bercakap ketika khutbah dibacakan, maka diampuni dosa-dosanya yang ada di antara hari Jumaat itu dan hari Jumaat berikutnya dan ditambah tiga hari lagi. Dan barang siapa yang bermain-main dengan anak-anak batu ketika khutbah maka dia telah berbuat sia-sia." (Hadis riwayat Imam Muslim).

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 16 | 6 FEBRUARI 2019 / 1440 1 جمادى الأخير | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# Berkenan kurniakan Watikah dan menerima Tauliah Pelantikan





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Awang Mohamed Bahrin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar (kiri), manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) di Jakarta, Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Kasmalati binti Dato Seri Laila Jasa Haji Mohamad Kassim. - Foto: Haji Ariffin Mohd.Noor / Morshidi *(Lihat muka 3 dan 4)*.


**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas**


**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke Negara Brunei Darussalam.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Awang Mohamed Bahrin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar dan Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) di Jakarta, Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Kasmalati binti Dato Seri Laila Jasa Haji Mohamad Kassim.

**Ke muka 3**

# Musabaqah Membaca Al-Quran diadakan tiga malam berturut-turut

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa 5 Februari. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula Hari Selasa (Malam Rabu), 8 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 12 Februari 2019 Masihi hingga Hari Khamis (Malam Jumaat), 10 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 14 Februari 2019 Masihi, mulai jam 7.30 malam bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Memperkasa Pembelajaran Al-Quran'.

**Ke muka 4**


IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH *InfoDeptBN*

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn




**Muka 5**

PERBEZAAN ugama dan budaya bukan penghalang erat silaturahim



**Muka 8**

PENUNTUT SMR terokai pelbagai hala tuju kerjaya

# Pembudayaan inovasi perlu digalakkan kalangan guru

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera**

**ALHAMDULILLAH,** kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan atas limpah rahmat-Nya jua kita dapat sama-sama hadir di Majlis Persidangan Hari Guru Sempena Sambutan Hari Guru Ke-28, Tahun 2018 pada pagi ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Pengerusi-Pengerusi Bersama dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis kerana mengungkayahkan persidangan yang sungguh bermakna kepada warga pendidik di negara ini.

Tema Persidangan Hari Guru tahun ini 'Memperkasa Guru dan Pelajar Ke Arah Pendidikan Berkualiti melalui Inovasi' atau 'Empowering Teachers and Learners for Quality Education through Innovation' adalah sejajar dengan tema Sambutan Hari Guru Ke-28, Tahun 2018, iaitu 'Guru Dedikasi Pendidikan Cemerlang'. Guru-guru yang berdedikasi, kreatif dan inovatif akan menghasilkan pendidikan yang berkualiti. Ini adalah amat penting memandangkan dunia sekarang mengalami persaingan global dan perkembangan pesat yang membawa perubahan besar kepada setiap aspek kehidupan.

Di Abad Ke-21 ini, sains dan teknologi adalah ejen penting yang menyumbang kepada revolusi pembangunan ekonomi dan perindustrian di seluruh dunia. Oleh yang demikian, Negara Brunei Darussalam perlulah bertindak menghasilkan bekalan tenaga kerja yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi untuk berjaya berasaskan pengetahuan yang dinamik dan berdaya saing. Dengan itu, kita semua harus peka terhadap kewujudan Revolusi Industri 4.0 atau Fourth Industrial Revolution 4.0. Revolusi ini merujuk antara lain kepada penggunaan sistem Artificial Intelligence, Internet of Things (IOT) dan Robotics dalam memanfaatkan kemajuan teknologi untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan pengguna termasuk dalam kalangan guru dan pelajar. Pada masa yang sama, sistem pendidikan kita harus menyediakan pelajar yang mempunyai nilai-nilai murni berpaksikan Melayu Islam Beraja, selain pengetahuan dan kemahiran yang selaras dengan revolusi ini.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-28, Tahun 2018 di mana baginda telah menekankan agar para guru akan dapat meningkatkan dedikasi dan komitmen mereka untuk lebih bersedia memberikan pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang kepada para pelajar. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan adalah komited dalam menyokong dan mendukung para guru untuk memperkasa pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan dinamik. Ini adalah selaras dengan ekspektasi Wawasan Brunei 2035 yang mana Petunjuk Utama Prestasi Kebangsaan 1.1 (National Key Performance Indicator 1.1) ialah 'Jumlah Guru (atas peratus) Yang Berkelayakan dan Berkualiti Tinggi.'



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa berucap pada Majlis Persidangan Hari Guru Sempena Sambutan Hari Guru Ke-28, Tahun 2018 Negara Brunei Darussalam pada Rabu, 6 Rabiulawal 1440 Hijrah bersamaan 14 November 2018 Masihi di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.**

Guru-guru memainkan peranan panting dalam melaksanakan inovasi di dalam bidang pendidikan. Penggunaan strategi-strategi inovatif dan teknologi yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran akan mengembangkan lagi peranan guru dari *knowledge providers* ke *innovative facilitators.* Menyentuh mengenai inovasi, ia banyak bergantung kepada ketekunan serta kemahiran guru dalam menerapkan pelbagai jenis kemahiran dan teknologi pendidikan bagi menghasilkan pengajaran yang lebih bermakna. Berkualiti dan bernilai tinggi. Teknologi akan sentiasa berubah dan pengetahuan tentang cara menggunakan teknologi tersebut dengan berkesan akan terus berkembang untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan serta menarik, guru-guru hendaklah sentiasa menggunakan teknologi dengan bijak sebagai salah satu kaedah pedagogi.

Oleh itu, guru-guru harus bersemangat dan berani untuk berinovasi dalam teknik dan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran kerana pemikiran kritikal, kreativiti serta kemahiran menguasai pengetahuan subjek, sosial dan emosi, adalah kunci kepada kejayaan inovasi.

Dalam pada itu juga, para pemimpin sekolah juga memainkan peranan penting dalam bekerjasama dengan guru-guru di bawah jagaan masing-masing dalam mengenal pasti jurang kompetensi (*competency gap*) guru-guru dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui program-program pembangunan profesional yang lebih relevan bagi mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Ke arah menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Guru tahun ini di mana baginda menekankan tentang ekosistem perguruan yang meliputi pengambilan dan juga pembangunan profesional dilaksanakan dengan lebih kemas dan teratur, Kementerian Pendidikan telah mengendalikan pembaharuan dalam proses pengambilan guru lebih rapi dan komprehensif. Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan melalui Akademi Guru Brunei Darussalam atau Brunei Darussalam Teachers Academy (BDTA) sedang mengendalikan program-program pembangunan profesional bagi guru-guru untuk memupuk sikap pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong learning* di samping meningkatkan kemahiran mengajar.

Sehubungan ini, untuk mencapai pendidikan berkualiti, semua pihak berkepentingan adalah diharap untuk sentiasa bekerjasama dalam menyediakan platform latihan perkembangan profesional dalam memenuhi keperluan guru-guru. Pendekatan *whole of nation* adalah amat penting dalam mendukung hasrat ini dan seterusnya meningkatkan keyakinan, kecekapan, kredibiliti dan menggalakkan pembudayaan inovasi dalam kalangan guru.

Ke muka 6

## Dari Sidang Pengarang.

6 FEBRUARI 2019 BERSAMAAN 1 جمادى الأخير 1440

## AMALKAN GAYA HIDUP SIHAT CEGAH KANSER

**NEGARA** Brunei Darussalam tidak ketinggalan bersama negara-negara lain di seluruh dunia menyambut Hari Kanser Sedunia yang jatuh pada 4 Februari setiap tahun. Di samping itu, negara juga turut bergiat aktif dalam meningkatkan kesedaran dan juga mengambil beberapa tindakan dan langkah bagi mencegah serta mengurangkan kesan penyakit kanser. Pada tahun 2017, negara telah mencatat sejumlah 625 orang dikesan mengidap penyakit kanser dan ia juga menyebabkan kepada 285 kematian. Oleh itu, pada tahun 2017 sahaja, penyakit kanser telah menyebabkan kira-kira satu dalam lima (20 peratus) kematian dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap di negara ini.

Selain itu, berdasarkan statistik dari Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam pada tahun 2017 tersebut juga menunjukkan bahawa risiko bagi seorang lelaki untuk menghidap kanser sepanjang hayatnya ialah 27 peratus atau satu dalam empat, manakala risiko bagi perempuan pula ialah 29 peratus atau satu dalam tiga.

Perkara tersebut antara lain yang dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan beliau sempena Hari Kanser Sedunia 2019 baru-baru ini.

Tema Hari Kanser Sedunia, iaitu "Saya Adalah dan Saya Akan" digunakan tiga tahun berturut-turut sehingga tahun 2021, yang mana tema ini menggambarkan 'saya dan awda' adalah wira bagi kesedaran kanser dan peranan serta komitmen yang tinggi diperlukan oleh setiap individu untuk sama-sama bertindak bagi mengurangkan risiko menghidap penyakit kanser.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham turut menekankan bahawa seperti penyakit-penyakit tidak berjangkit yang lain, kebanyakan penyakit kanser boleh dicegah.

Jelasnya bagi mereka yang mempunyai berat badan yang berlebihan, perokok, mengambil makanan yang tidak sihat dan meminum alkohol mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapatkan kanser seperti kanser payudara, paru-paru dan usus besar. Justeru itu, memandangkan kesemua faktor risiko kanser tersebut boleh dicegah, maka kita disarankan untuk menghindarinya dan mengamalkan gaya hidup sihat seperti berhenti merokok dan mengelakkan daripada pendedahan kepada asap rokok pasif; mengekalkan berat badan yang sihat bermula dari peringkat kanak-kanak dan sepanjang hayat; memastikan pengambilan 2 - 3 sajian buah-buahan dan 2 - 3 sajian sayur-sayuran setiap hari; mengurangkan pengambilan makanan yang mempunyai lemak yang tinggi / berlebihan; dan melakukan kegiatan fizikal sekurang-kurangnya 30 minit, lima kali atau lebih dalam seminggu.

Oleh itu, setiap lapisan masyarakat hendaklah mempunyai kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan diri. Pemilihan gaya hidup yang sihat adalah bergantung kepada diri sendiri sambil dibantu oleh persekitaran fizikal dan sosio-budaya yang sihat. Kita hendaklah bijak dalam memilih dan memakan makanan yang sihat bagi kesihatan diri mahupun setiap insan dalam sesebuah keluarga. Sebuah keluarga yang sihat nescaya akan memberikan keharmonian dan kebahagian dalam menjalani kehidupan. Di samping itu, kita jangan pula mengabaikan kegiatan fizikal yang mana boleh dilakukan di dalam atau di luar rumah seperti bersenam, beriadah berjalan kaki, bersukan dan sebagainya.

Orang ramai yang mengalami masalah kesihatan adalah dinasihati membuat pengesanan awal bagi pencegahan dan melakukan pemeriksaan untuk memastikan tanda-tanda awal kanser dan mempunyai pengetahuan mengenai gejala-gejala serta tanda-tanda kanser tersebut. Pengesahan awal dan rawatan yang mencukupi sudah semestinya dapat membantu untuk meningkatkan proses penyembuhan dan seterusnya memberi peluang kepada pesakit yang mempunyai penyakit kanser untuk pulih sepenuhnya. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan menjalankan aktiviti gaya hidup sihat untuk mencegah kanser dan penyakit kronik yang lainnya bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat di negara ini. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C |
| PEKAN BANGAR | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C |
| PEKAN TUTONG | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C |
| KUALA BELAIT | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C | 31 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi FEBRUARI | HARI | Hijrah JAMADILAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | RABU | 1 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 7 | KHAMIS | 2 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 8 | JUMAAT | 3 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 9 | SABTU | 4 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 10 | AHAD | 5 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 11 | ISNIN | 6 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 12 | SELASA | 7 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Berkenan kurniakan Watikah dan menerima Tauliah Pelantikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Awang Mohamed Bahrin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar dan Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) di Jakarta, Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Kasmalati binti Dato Seri Laila Jasa Haji Mohamad Kassim.

**Dari muka 1**

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kingdom of Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul.

Selepas majlis-majlis tersebut, Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Negara Qatar, TYT Awang Mohamed Bahrin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar sebelum ini berkhidmat sebagai Pemangku Pengarah Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke ASEAN, PYT Dayang Hajah Kasmalati binti Dato Seri Laila Jasa Haji Mohamad Kassim sebelum ini telah berkhidmat sebagai Pemangku Pengarah Pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke Negara Brunei Darussalam.

Kebawah DYMM mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, TYT Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi.

TYT sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Duta Besar Negara Kuwait yang tidak menetap ke Republik Paraguay.

**Ke muka 4**





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan dan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi (kiri dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan dan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong (kiri dan kanan).

**Dari muka 3**

Kemudian, Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, PYT Yu Hong.

PYT sebelum ini berkhidmat sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Republik Demokratik Persekutuan Nepal.

Seterusnya Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kingdom of Thailand ke Negara Brunei Darussalam, PYT Wanthanee Viputwongsakul.

PYT sebelum ini bertugas sebagai Minister di Kedutaan Diraja Thai di Hanoi, Republik Sosialis Viet Nam.

Juga hadir di majlis-majlis mengadap tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd Nor bin Haji Jeludin.

Majlis-majlis tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan dan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kingdom of Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul (kiri dan kanan).

# Musabaqah Membaca Al-Quran diadakan tiga malam berturut-turut

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

***'MUSABAQAH Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula Hari Selasa (Malam Rabu), 8 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 12 Februari 2019 Masihi hingga Hari Khamis (Malam Jumaat), 10 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 14 Februari 2019 Masihi, mulai jam 7.30 malam bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Memperkasa Pembelajaran Al-Quran'.'***

**Dari muka 1**

Pada tahun ini seramai 12 orang peserta, iaitu lima orang qari dan lima orang qariah yang terpilih di peringkat Separuh Akhir Kebangsaan dan dua orang peserta menunggu (seorang Johan Qari dan seorang Johan Qariah pada Tahun 1439H / 2018M) akan memperdengarkan bacaan mereka di Musabaqah Peringkat Akhir Kebangsaan itu nanti.

Peserta qari terdiri dari Haji Awang Muhammad Fikri bin Haji Awang Metussin (Johan Menunggu); Awang Ahmad Zul-Waqar bin Haji Suhaili; Awang Haji Hazwan bin Haji Salim; Awang Haji Muhammad Albi bin Haji Ibrahim; Awang Muhammad bin Ali dan Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya.

Manakala peserta qariah pula ialah Dayang Hajah Norfaizah binti Haji Emran (Johan Menunggu); Dayang Hajah Nurul Akmalina bin Haji Yahya; Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri; Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki; Dayang Siti Zahrina binti Abdul Wahab dan Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir dalam sama-sama menyemarakkan majlis tersebut dengan memakai pakaian Cara Melayu / Lounge Suit bagi lelaki dan Baju Kurung / Kebaya Bertudung / Baju Gaun Panjang bagi perempuan.

Semoga beroleh keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

# Seorang perempuan Cina pilih Islam sebagai pegangan hidup



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pengislaman di rumah kediaman Awang Ali bin Haji Ramin, Kampung Perpindahan Serasa (atas) sementara gambar bawah, Melissa Tong Ju Yee melafazkan dua kalimah syahadah di hadapan pegawai-pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah (Pengislaman), Pusat Da'wah Islamiah dan kini dikenali sebagai Dayang Malissa binti Abdullah Tong.

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**



**SERASA**, Selasa, 5 Februari. - Sepanjang tahun 2018, seramai 404 orang yang telah memeluk agama Islam di seluruh negara.

Jumlah tersebut terus meningkat dengan berlangsungnya Majlis Pengislaman seorang perempuan berbangsa Cina yang telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya.

Melissa Tong Ju Yee telah melafazkan dua kalimah syahadah pada majlis yang berlangsung di kediaman Awang Ali bin Haji Ramin, Kampung Perpindahan Serasa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang juga selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Sabun, Pekan Muara dan Kampung Pelumpong.

Majlis Pengislaman dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Melissa Tong Ju Yee di hadapan pegawai-pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah (Pengislaman), Pusat Da'wah Islamiah.

Semasa ditemui Pelita Brunei, beliau yang kini dikenali sebagai Dayang Malissa binti Abdullah Tong melahirkan rasa bersyukur kerana memeluk agama Islam dan menjadikan agama suci ini sebagai agama anutannya.

Beliau yang sudah lebih 20 tahun tinggal di negara ini menjelaskan bahawa keinginannya untuk memeluk agama Islam sudah mula timbul sejak dulu lagi dan kini hasrat tersebut telah tercapai.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban beramai-ramai dan menabur bunga rampai sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

## Perayaan Tahun Baharu Cina disambut meriah

**Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid**

**SUNGAI BESAR,** Selasa, 5 Februari. - Sambutan Tahun Baharu Cina yang merupakan perayaan terpenting dalam kalendar Cina disambut meriah di negara ini dengan mengadakan majlis-majlis rumah terbuka.

Perayaan yang dinanti-nantikan oleh masyarakat Cina ini merupakan masa bagi ahli keluarga untuk berkumpul dalam sama-sama meraikan sambutan berkenaan.



BRANDON Tay Kaixin akan pulang ke tanah air setiap kali menjelangnya perayaan Tahun Baharu Cina.

Di antara rumah terbuka yang dikunjungi ramai ialah kediaman Chang Eng Hong di Kampung Salambigar, kediaman Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin dan kediaman Jackson Ting.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama cucu kepada Pehin Kapitan Goh King Chin, Brandon Tay Kaixin menyatakan sambutan pada tahun ini tidak ada bezanya dengan tahun-tahun sebelumnya, di mana sambutan tetap dirasakan kemeriahannya dengan kunjungan sanak saudara dan sahabat handai.

Beliau yang kini melanjutkan pengajian ke luar negara tetap tidak akan melepas peluang untuk berkumpul bersama keluarga pada perayaan yang sungguh bermakna ini.

"Setiap tahun saya akan pulang ke Brunei untuk menyambut Tahun Baharu Cina bersama keluarga dan bagi saya sambutan di negara sendiri lebih meriah berbanding dengan sambutan di luar negeri tanpa keluarga dan sanak keluarga," jelasnya.

# Perbezaan ugama dan budaya bukan penghalang erat silaturahim

**Berita dan Foto : Aimi Sani**





SAMBUTAN Tahun Baharu Cina memberi peluang kepada Awang Haji Mohd. Sunny Lai untuk mengeratkan hubungan sesama mereka walaupun berbeza kepercayaan (kiri dan kanan).

**MUARA**, Selasa, 5 Februari. - Tahun Baharu Cina membawa pengertian besar buat keluarga Lai meskipun mereka beragama Islam.

Malah, perayaan ini mempunyai sentuhan yang lebih istimewa bagi Haji Mohd. Sunny Lai bin Abdullah Lai memandangkan keluarganya terdiri daripada berbilang bangsa dan ugama, di mana bukan bukan sahaja berbangsa Cina, malahan juga ada yang berbangsa Melayu.

Berasal dari Kampung Sabun, Muara, Haji Mohd. Sunny Lai yang telah mula memeluk ugama Islam pada tahun 1977 sebelum berkahwin bersama isteri beliau, Dayang Hajah Rosenah binti Haji Mohd. Yussof, melahirkan rasa amat bersyukur dapat menyambut perayaan budaya yang merupakan sebahagian daripada diri beliau.

"Meskipun saya telah memeluk Islam, namun saya tetap berkunjung ke rumah adik beradik saya serta keluarga yang menyambut Tahun Baharu Cina. Tidak semestinya berlainan ugama, kita tidak dapat mengunjungi mereka. Inilah peluang yang harus diraih untuk sama-sama mengeratkan lagi tali silaturahim, meskipun berlainan bangsa dan ugama," jelasnya.

Beliau menambah, sewaktu perayaan adalah masa di mana mereka sekeluarga dapat menyelami budaya yang berbeza-beza, di mana semasa pertemuan ketika berkumpul bersama keluarga akan memberi peluang kepada mereka untuk mengeratkan hubungan, sambil mengukuhkan pemahaman melalui perkongsian budaya, adat, serta kepercayaan yang datang daripada latar belakang berbeza.

Menyentuh mengenai makanan, Haji Mohd. Sunny Lai berkata mereka tidak perlu ragu akan kehalalannya kerana ahli keluarganya akan menghidangkan makanan katering yang ditempah khas dari orang berugama Islam bagi menghormati ahli keluarga yang beragama Islam.

# Kanser punca utama kematian di NBD

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**JERUDONG,** Isnin, 4 Februari. - Penyakit kanser merupakan salah satu punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan lebih 600 kes telah dikesan setiap tahun akibat penyakit tersebut.

Perkara tersebut didedahkan oleh Pengarah Perubatan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran yang juga selaku Pengarah Pusat Kanser Brunei (TBCC) semasa Sidang Media Hari Kanser Sedunia 2019 bertempat di Pusat Sumber Kesihatan, PJSC, di sini.

Tambahnya, rakyat dan penduduk di negara ini sangat beruntung kerana disediakan kemudahan-kemudahan yang mencukupi oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan dan PJSC, bagi rawatan hampir semua jenis kanser di dalam negara dan hanya beberapa kes sahaja yang perlu dihantar ke luar negara.

Menurut Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran, Hari Kanser Sedunia yang disambut setiap 4 Februari, merupakan sebahagian dari Ikrar Kesatuan Kawalan Kanser Antarabangsa (Union of International Cancer Control - UICC).

NBD jelasnya, telah menyertai UICC sejak tahun lepas dan menjadi ahli aktif, serta telah mengambil bahagian dalam Kongres Dunia di Kuala Lumpur pada Oktober yang lalu.

Perkara ini jelasnya, menunjukkan komitmen Kementerian Kesihatan, di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dalam memerangi penyakit kanser dan melaburkan sumber ke dalamnya.

Menyentuh mengenai tema Hari Kanser Sedunia bagi tahun ini, iaitu "I Am and I Will" beliau menjelaskan bahawa tema tersebut akan terus digunakan untuk tiga tahun berturut-turut bermula tahun ini sehingga tahun 2021.

Sementara itu, Ketua Unit Pengesanan Awal dan Pencegahan Kanser, TBCC, Datin Dr. Noraslinah binti Haji Ramlee semasa Sidang Media tersebut antara lain menjelaskan kematian yang disebabkan oleh penyakit kanser dapat dikurangkan, di samping kes-kes tersebut dikesan dan dirawat lebih awal.

Datin Dr. Noraslinah menekankan bahawa adalah penting untuk orang ramai membuat pengesanan awal, pencegahan dan pemeriksaan untuk tanda-tanda awal kanser serta mereka perlu mempunyai pengetahuan dan mengenali gejala-gejala dan tanda-tanda kanser dengan menampilkan diri ke hadapan sekiranya mereka mempunyai masalah kesihatan dan tubuh mereka termasuk ahli keluarga mereka.

Orang ramai tegasnya, perlu menukarkan presepsi bahawa penyakit kanser adalah perkara yang tabu untuk dicakapkan, dibincangkan atau disebutkan.

Tambah beliau, Unit Pengesanan Awal dan Pencegahan Kanser bertujuan untuk menyelaraskan penjagaan untuk memenuhi tujuan-tujuan tersebut.




PENGARAH Perubatan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran yang juga selaku Pengarah Pusat Kanser Brunei (TBCC) bercakap semasa Sidang Media Hari Kanser Sedunia 2019 bertempat di Pusat Sumber Kesihatan, Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC).



ANTARA yang hadir pada Sidang Media tersebut.

# Dua kompaun dikeluarkan semasa sekatan jalan raya

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**SERIA,** Selasa, 5 Februari. - Dua sekatan jalan raya telah dijalankan pada 4 Februari baru-baru ini oleh keanggotaan Ibu Pejabat Daerah Polis Belait dan Balai Polis Seria sempena cuti awam Tahun Baharu Cina.

Sekatan pertama bertempat di Jalan Tengah Seria kawasan Lorong 14 Panaga, manakala sekatan yang kedua bertempat di Jalan Tengah Anduki Seria, berdekatan Lapangan Terbang Anduki.

Seramai 18 anggota balai dikerahkan dalam operasi sekatan jalan raya itu untuk menangani pembanterasan kejadian-kejadian jenayah, lalu lintas serta yang melibatkan kesalahan-kesalahan undang-undang.

Hasil daripada sekatan itu dua kompaun telah dikeluarkan kerana cukai jalan yang mansuh dan kenderaan tidak dalam keadaan baik, manakala empat pemandu telah dikeluarkan surat peringatan kerana tidak membawa lesen memandu.



SEKATAN jalan raya yang telah dijalankan oleh keanggotaan Ibu Pejabat Daerah Polis Belait dan Balai Polis Seria sempena cuti awam Tahun Baharu Cina.

## HALUAN

# Pembudayaan inovasi perlu digalakkan kalangan guru

Dari muka 2

Saya berharap persidangan ini akan menjadi landasan bagi para guru, pendidik, pemlmpin sekolah dan penyelidik dari pelbagai bidang pendidikan untuk bekerjasama serta berkongsi dan mempelajari lebih mendalam lagi mengenai pengetahuan praktikal dan teori penemuan, amalan terbaik dan teknologi pendidikan yang berinovasi untuk mencapai kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada para guru untuk meneruskan usaha-usaha proaktif dan produktif dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan melalui inovasi. Adalah diharapkan hasil dari menghadiri persidangan ini nanti akan dapat menyuntik semangat baharu kepada semua guru untuk mempraktikkan apa jua amalan-amaian terbaik yang diperoleh, mengikut kesesuaian dan keperluan masing-masing.

Akhirnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pembentang - pembentang ucaptama persidangan, para pembentang kertas kerja dan juga semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Semoga usaha yang bermanfaat ini akan diberkati dan mendapat rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Dengan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, saya dengan ini merasmikan Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Ke-28 bagi Tahun 2018.

*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Mangsa kebakaran, rumah roboh terima wang agihan zakat



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop menyampaikan bantuan peralatan sekolah kepada penerima.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Januari. - Sejumlah BND3,400 (Tiga Ribu Empat Ratus Ringgit Sahaja) yang diambil dari peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin diserahkan kepada mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Bolkiah 'A', RPN Kampung Meragang dan rumah roboh di Kampung Pekan Lama.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyerahkan Wang Agihan Zakat tersebut ialah Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, berlangsung di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama, di sini.

Pada majlis itu mangsa kebakaran di Kampung Bolkiah 'A', Awang Haji Md. Yusof bin Haji Mursidi dan isteri serta tiga orang anaknya menerima sebanyak BND1,000 (BND200 bagi setiap seorang).

Manakala mangsa kebakaran di RPN Kampung Meragang, iaitu Awang Haji Abu Bakar bin Haji Abd. Wahab dan isteri serta dua orang cucunya menerima sebanyak BND800 (BND200 bagi setiap seorang) dan dua peralatan sekolah (untuk cucunya yang bersekolah rendah).

Juga menerima wang agihan zakat ialah anak-anak beliau, iaitu Siti Nurul Maskerina, Siti Nurul Maskamila dan Siti Nurul Mas Kertini, masing-masing menerima BND200 serta Siti Nurul Maskhqairani juga menerima BND200 dan peralatan sekolah.

Manakala agihan zakat sebanyak BND800 bagi mangsa rumah roboh di Kampung Pekan Lama diserahkan kepada Md. Nur Faidhi bin Omar dan isteri serta dua orang anaknya, masing-masing menerima BND200 setiap seorang.

Adalah diharapkan semoga dengan adanya agihan zakat ini akan dapat meringankan sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh mangsa dan dengan harapan semoga mereka lebih berhati-hati dan sentiasa berwaspada dalam menjaga keselamatan ahli keluarga daripada ditimpa musibah sebegini.



HADIR menyerahkan wang agihan zakat tersebut ialah Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz.



PEMANGKU Setiausaha MUIB mengagihkan wang zakat kepada salah seorang ketua keluarga.

# Jauhi diri dari menjadi penyebar fitnah

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

**ALLAH** Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hujurat, ayat 6 tafsirnya :

"*Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa suatu berita maka selidikilah kebenarannya (kerana dikhuatiri) kamu akan menimpakan kepada suatu kaum (perkara yang tidak diingini) dengan sebab kejahilan kamu sehingga menyebabkan kamu menjadi orang menyesal atas apa yang kamu telah lakukan.*"

Fitnah berasal daripada perkataan bahasa Arab bererti kekacauan, bencana, syirik, cubaan, ujian dan seksaan. Dalam Al-Quran kalimah fitnah disebutkan dalam 34 tempat dan digunakan untuk erti yang berbeza-beza. Fitnah yang digambarkan sebagai usaha menimbulkan kekacauan, menyakiti atau mengganggu kebebasan beragama dijelaskan dalam Surah Al-Anfaal, ayat 73 yang tafsirnya :

"*Dan orang-orang yang kafir sebahagian mereka menjadi pelindung kepada sebahagian yang lain. Jika kamu (wahai umat Islam) tidak melaksanakan apa yang telah diperintahkan Allah itu nescaya akan terjadilah fitnah di muka bumi dan kerosakan yang besar.*"

Fitnah yang bererti ujian atau cubaan dijelaskan dalam Surah Al-Anfaal, ayat 28 yang tafsirnya :

"*Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah sebagai fitnah (ujian), dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.*"

Fitnah yang membawa erti seksaan disebutkan dalam Surah Al-Anfaal, ayat 25 yang tafsirnya :

"*Dan perliharalah diri kamu daripada (berlakunya) fitnah (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja menimpa orang-orang yang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu kesemuanya). Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat azab seksa-Nya.*"

Pengertian fitnah yang paling nampak dan jelas ialah perpecahan yang timbul akibat saling bermusuhan sesama sendiri atau dengan orang lain yang kemudiannya membawa kepada pembunuhan hasil daripada penipuan, kejahilan serta kesombongan.

Di zaman moden yang serba canggih ini, jenayah fitnah semakin mudah disebarkan. Ia boleh dilakukan melalui teknologi maklumat seperti internet yang mampu menyebarkan apa jua maklumat dengan sekelip mata tanpa dapat dibendung. Kemudahan telah disalahgunakan bagi mengancam atau menjatuhkan seseorang mahupun sesebuah organisasi. Perkara ini boleh menggugat keharmonian dan keamanan keluarga, persahabatan dan juga negara. Bagaimanakah cara untuk menyekat jenayah fitnah ini dari merebak?

Dalam hal ini, kecanggihan teknologi maklumat tidak dapat disalahkan sepenuhnya tetapi diri manusia yang harus dipertanggungjawabkan. Setiap manusia diciptakan dengan akal fikiran yang dapat menilai perkara yang baik dan juga yang buruk.

Di dalam agama Islam, orang mukmin tidak sepatutnya melakukan jenayah yang zalim itu. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 191, yang tafsirnya ada menyifatkan fitnah itu sebagai :

"*Dan fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan.*"

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman juga dalam Surah Al-Qalam, ayat 10 - 11 yang tafsirnya :

"*Dan janganlah engkau menurut kemahuan setiap orang yang banyak bersumpah lagi suka menghina. Yang suka mencaci lagi suka menyebarkan fitnah.*"

Setiap kata-kata yang disebut dengan lidah akan dipersoalkan di akhirat kelak. Janganlah melibatkan diri dengan perkara yang boleh mengecam, memfitnah dan menyebarkannya kerana akan membawa padah pada diri sendiri mahupun orang lain.

Imam al-Ghazali Rahimahtullah di dalam kitabnya Ihya Ulumuddin ada menyebutkan enam perkara yang patut dipegang oleh seorang untuk menghadapi jenayah fitnah tersebut, iaitu :

- Jangan membenarkan cakapnya, kerana orang yang membawa fitnah adalah fasiq (jahat) dan orang yang fasiq tidak diterima untuk menjadi saksi.
- Cegahlah ia dari berbuat fitnah itu dan menasihatinya agar tidak mengulangi lagi.
- Hendaklah dia marah kepada si pembawa fitnah itu kerana Allah Subhanahu Wata'ala, sebab orang itu amat dibenci oleh Allah, sedangkan membenci apa yang dibenci Allah adalah wajib hukumnya.
- Jangan menyimpan prasangka buruk terhadap orang yang difitnah itu.
- Jangan mengintip-ngintip dan mengintai-ngintai untuk mencari maklumat tambahan apa yang diberitakan kepadanya.
- Jangan turut serta melakukan apa yang ia sendiri melarang melakukannya iaitu melakukan fitnah dan jangan menceritakan kepada orang yang difitnah yang seseorang telah memfitnahnya begini dan begitu kerana itu ia akan turut jadi pemfitnah dan pengumpat.

Oleh itu, kesimpulannya, sekiranya datang berita yang baik dari orang-orang yang berkata benar maka terimalah sebagai peringatan yang baik tetapi jika datang berita yang tidak baik dari orang yang jahat akhlaknya, hendaklah kita berhati-hati dengan percakapan malah sekiranya berunsurkan fitnah, maka halanglah ia daripada terus menyebarkan berita tersebut. Menjauhi jenayah fitnah menjadi tanggungjawab bersama sesama masyarakat.

***'SETIAP kata-kata yang disebut dengan lidah akan dipersoalkan di akhirat kelak. Janganlah melibatkan diri dengan perkara yang boleh mengecam, memfitnah dan menyebarkannya kerana akan membawa padah pada diri sendiri mahupun orang lain.'***

# Penuntut SMR terokai pelbagai hala tuju kerjaya

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**GADONG,** Isnin, 4 Februari. - Seramai 161 penuntut Tahun 11 Sekolah Menengah Rimba (SMR) berpeluang untuk meneroka pelbagai hala tuju dan kerjaya menerusi Program Hala Tuju dan Eksplorasi Kerjaya.

Program yang diadakan dengan kerjasama SMR dan Unit Kaunseling dan Kerjaya, Kementerian Pendidikan itu berlangsung di Dewan Serbaguna SMR.

Pengetua SMR, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof Al-Idrus dalam ucapan alu-aluannya berkata, antara objektif program berkenaan adalah bagi membolehkan para penuntut mengenal pasti dan menganalisis keperluan-keperluan pekerjaan dengan mengenali dunia pekerjaan serta memadankan personaliti dan potensi diri mereka dengan pekerjaan tersebut.

Selain itu jelasnya, program berkenaan juga membantu para penuntut memilih kerjaya mengikut kelayakan akademik masing-masing.

Menurutnya, pihak sekolah telah menetapkan peningkatan 10 hingga 15 peratus bagi pencapaian lima kredit ke atas dalam Peperiksaan G.C.E 'O' Level dan IGCSE pada tahun ini.

Sehubungan itu katanya, penuntut perlu mengetahui hala tuju masing-masing bagi mencapai kecemerlangan.

Beliau menambah, penuntut sudah setentunya akan belajar dengan tekun dan bersungguh-sungguh untuk mencapai impian dan cita-cita dengan mengetahui hala tuju mereka.

Program tersebut diisi dengan taklimat-taklimat dari pelbagai agensi termasuk dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Politeknik Brunei; Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan dan Kemuda Institute.

Pada program tersebut, para penuntut turut berpeluang melawat sudut pameran yang melibatkan sebanyak 16 agensi antaranya Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan, CfBT dan ABDB.



PARA penuntut Tahun 11 Sekolah Menengah Rimba (SMR) berpeluang menyaksikan pameran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi Program Hala Tuju dan Eksplorasi Kerjaya.



PENGETUA SMR, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof Al-Idrus ketika memberikan ucapan alu-aluan.

Pelita BRUNEI

MINDA PEMBACA

## Solat mencegah perbuatan keji dan mungkar

**ALLAH** Subahanahu Wata'ala telah memerintahkan dan mewajibkan umat Islam untuk mendirikan solat lima waktu kerana ia termasuk di dalam rukun Islam yang kedua dan solat juga merupakan tiang agama bagi seluruh umat Islam. Oleh itu, sesiapa yang mendirikan solat bererti dia telah menegakkan tiang agama, tetapi sesiapa yang meninggalkan solat maka dia telah meruntuhkan agama di dalam dirinya.

Antara kebaikan dan kesan sentiasa menjaga dan mendirikan solat ialah ia mampu mencegah daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar, seperti yang telah ditegaskan di dalam Al-Quran Surah Al-Ankabut ayat 45 yang bermaksud : *"Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu Al-Quran dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan."*

Sesungguhnya solat akan menjadikan kita sentiasa taat kepada suruhan Allah Subahanahu Wata'ala sehingga menghadirkan dan menimbulkan perasaan takut untuk melakukan perbuatan keji dan mungkar, kerana kita tahu bahawa Allah itu maha melihat dan mengetahui setiap perkara yang kita kerjakan dan azab balasan bagi mereka yang melakukan larangan-Nya akan dibalas di akhirat nanti, dan sudah tentu kita tidak akan sanggup untuk menghadapinya.

Mendirikan solat dengan ikhlas juga akan mendorong kita untuk tidak melakukan perbuatan keji dan mungkar sebaliknya kita akan sentiasa berzikir mengingat-Nya dan melakukan kebaikan serta menambah amalan untuk mengejar ganjaran pahala yang telah dijanjikan oleh Allah Subahanahu Wata'ala.

Walau bagaimanapun, solat yang didirikan hanya kerana terpaksa dan tidak ikhlas, masih belum dapat menghindarkan dirinya daripada melakukan kemungkaran kerana hatinya belum terikat untuk mentaati suruhan Allah Subahanahu Wata'ala. Oleh itu, kita perlu berusaha untuk mendapatkan solat yang khusyuk dan mendirikannya dengan tertib, serta dapat menghayati setiap bacaan di dalam solat sehingga mencegah perbuatan keji dan mungkar kerana solat yang sempurna akan memberi manfaat kepada kehidupan dan ketenangan jiwa serta sentiasa berasa dekat dengan Allah dan berada dalam lindungan dan rahmat-Nya.

**Nama : Junidah binti Junidi**
**No. K/P : 01-068187 (K)**


**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Semai Akhlak Mulia Dalam Kehidupan Seharian'**. Tarikh Tutup : **6 Februari 2019**
2. **'Ancaman Jenayah Siber Menggugat Keamanan'**. Tarikh Tutup : **13 Februari 2019**
3. **'Rakyat Perlu Memiliki Nilai Patriotisme'**. Tarikh Tutup : **20 Februari 2019**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** *pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi **BND75** Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Jabatan Penerangan semai semangat kenegaraan penuntut SM Katok





PENOLONG Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan Jabatan Penerangan bagi Pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Katok Beribi (kiri), sementara gambar kanan, di antara penuntut-penuntut yang hadir mendengarkan taklimat tersebut.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**KATOK,** Isnin, 4 Februari. - Seramai kira-kira 57 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Katok menghadiri Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Learning Centre sekolah tersebut.

Taklimat Kenegaraan berkenaan disampaikan oleh Pembantu Pegawai Luar, Awang Haji Abdul Azim bin Haji Tujoh. Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Program kelolaan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan ini antara lain bertujuan sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Program juga diselitkan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Ke arah meningkatkan kefahaman mengenai perisian program tersebut, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan.

# Mahasiswa, mahasiswi dilatih terokai dunia pertanian

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Februari. - Program pengembangan potensi diri dalam kokurikulum di bawah pengendalian Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) merupakan satu program untuk melahirkan modal insan yang berjati diri Melayu Islam Beraja, mempunyai pelbagai kemahiran secara holistik, berdaya saing, berfikiran kreatif, inovatif dan proaktif.

Selain daripada itu, ia akan membantu pelajar dalam menjana ekonomi dengan memupuk budaya keusahawanan.

Sehubungan itu, bagi mencapai matlamat program tersebut, satu projek lawatan pertanian telah diadakan di Daerah Temburong selama dua hari, iaitu bermula 1 hingga 2 Februari 2019 dan disertai oleh seramai 62 mahasiswa dan mahasiswi dari Nadi Pertanian dan Nadi Fotografi & Multimedia, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Juga menyertai rombongan, Penolong Pensyarah Pusat Ilmu Teras selaku Penyelia Nadi Fotografi & Multimedia, Awang Haji Mohammad Shahrul Azmi bin Haji Abdul Muluk dan Penolong Pendaftar selaku Penyelia Nadi Pertanian, Ustazah Amshahnoorwadi binti Haji Yakub.

Beberapa aktiviti dilaksanakan sepanjang lawatan diadakan seperti praktikal penanaman padi, mengatam / menuai padi, menjemur padi dan lawatan penternakan itik serta telur masin.

Selain itu rombongan juga melaksanakan khairat kemasyarakatan, iaitu membersihkan Masjid Kampung Selangan, pengembangan intelektual (tazkirah) dan mendengarkan bacaan Surah Al-Fatihah bagi warga mualaf di Masjid Kampung Sibut dan riadah ke Bukit Patoi.

Lawatan seumpama ini merupakan satu langkah untuk menggalakkan dan meningkatkan kemahiran mahasiswa / mahasiswi dalam bidang keusahawanan pertanian, sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya meningkatkan usaha dalam sektor pertanian yang akan mendatangkan hasil mengikut keperluan negara dan juga membantu mengatasi masalah pengangguran.

Dengan adanya projek lawatan seumpama ini diharap akan dapat meningkatkan motivasi dan semangat dalam kalangan mahasiswa / mahasiswi tentang sektor ekonomi dengan mengadakan satu projek pertanian untuk melatih mahasiswa/ mahasiswi dengan meneroka dunia pertanian secara sampingan.

Selain itu, pelaksanaan projek pertanian tersebut juga diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mewujudkan generasi usahawan pertanian pada masa akan datang, kerana ia melibatkan *input* nilai-nilai keusahawanan agar mereka lebih berdaya saing, kompetitif dan bersedia memenuhi tanggungjawab.



SELAIN mengadakan praktikal pertanian, rombongan KUPU SB juga mengadakan aktiviti khairat kemasyarakatan membersihkan Masjid Kampung Selangan.



PROJEK lawatan pertanian mahasiswa / mahasiswi dari Nadi Pertanian dan Nadi Fotografi & Multimedia, KUPU SB merupakan langkah menggalakkan dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang pertanian.

# Persoalan mengerjakan puasa sunat pada hari Jumaat,Sabtu dan Ahad

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

IBADAT puasa mempunyai berbagai-bagai permasalahan yang sewajarnya difahami betul-betul supaya ibadat puasa yang dikerjakan benar-benar menepati kehendak hukum syarak serta dapat ditunaikan dengan sebaiknya.

Salah satu perkara yang perlu diketahui mengenai ibadat puasa ialah larangan mengerjakan puasa sunat pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Larangan ini, walaupun mungkin sudah diketahui secara asasnya oleh orang ramai, ia mempunyai beberapa hukum dan permasalahan yang mungkin belum difahami dengan baik dan sempurna. Irsyad Hukum kali ini akan membincangkan mengenai beberapa permasalahan yang berkaitan dengan larangan tersebut.

**Dalil Dan Sebab Larangan Mengerjakan Puasa Sunat Pada Hari Jumaat, Sabtu Dan Ahad**

**(i) Larangan Mengerjakan Puasa Sunat Pada Hari Jumaat**

Larangan mengerjakan puasa sunat pada hari Jumaat secara khusus sabit dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini sepertimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

**Maksudnya :** "*Janganlah ada di antara kamu yang mengerjakan puasa pada hari Jumaat, kecuali jika dia juga ada mengerjakan puasa pada hari sebelumnya atau ada mengerjakan puasa pada hari selepasnya.*"

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut ulama, hikmah tidak digalakkan mengerjakan puasa sunat pada hari Jumaat secara umumnya adalah kerana dengan mengerjakan puasa seseorang itu boleh menjadi lemah pada hari tersebut. Hari Jumaat merupakan hari yang istimewa dalam syariat Islam kerana ia adalah hari yang terdapat padanya banyak kelebihan serta berbagai tuntutan ibadat yang tersendiri. Antaranya ia adalah hari yang mustajab dan digalakkan untuk memperbanyakkan doa, digalakkan memperbanyakkan salawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, digalakkan memperbanyakkan zikir, disunatkan mandi dan awal pergi ke masjid untuk mengerjakan Sembahyang Fardu Jumaat dan mendengar khutbah serta berbagai-bagai lagi tuntutan-tuntutan lain yang sunat dikerjakan sepanjang hari tersebut. Kerana itulah kita dianjurkan untuk tidak mengerjakan puasa pada hari tersebut supaya kita dapat mengambil peluang ini untuk mengaut pahala sebanyak mungkin dengan mengerjakan tuntutan-tuntutan tersebut dalam keadaan yang cergas, bersemangat dan dalam kelazatan beribadat.

Sekiranya seseorang itu mengerjakan puasa sunat pada hari Jumaat, lalu dia menjadi lemah, ini akan menjejaskan peluang dan kemampuannya untuk mengerjakan dan meraih segala fadilat dan ganjaran pahala ibadat yang dikhususkan pada hari tersebut. Oleh sebab itu, mengerjakan puasa sunat tanpa apa-apa sebab adalah dimakruhkan pada hari Jumaat walaupun pada hakikatnya orang tersebut tidak berasa lemah jika dia mengerjakan puasa.

Tambahan pula, menurut Imam Ibnu Hajar as-'Asqalani Rahimahullah dan lainnya, hari Jumaat adalah ibarat Hari 'Eid yakni Hari Raya, dan lebih elok meninggalkan puasa sunat pada hari seumpama ini. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

**Maksudnya :** "*Sesungguhnya hari Jumaat adalah Hari 'Eid, maka janganlah kamu jadikan Hari 'Eid kamu hari berpuasa bagi kamu, kecuali kamu juga mengerjakan puasa pada hari sebelumnya atau hari selepasnya.*"

(Hadis riwayat Ahmad)

**(ii) Larangan Mengerjakan Puasa Sunat Pada Hari Sabtu**

Larangan mengerjakan puasa sunat pada hari Sabtu secara khusus juga sabit daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Shamma' binti Busr Radiallahuanha, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

**Maksudnya :** "*Janganlah kamu mengerjakan puasa pada hari Sabtu (semata-mata) melainkan apa yang telah difardukan ke atas kamu. Jika seseorang daripada kamu tidak mendapati (apa-apa makanan pada hari tersebut) melainkan satu kulit anggur atau ranting pokok, maka hendaklah ia memamahnya (supaya kamu tidak dikira sebagai mengerjakan puasa pada hari tersebut).*"

(Hadis riwayat Abu Daud, at-Tirmizi, Ibnu Majah, Ahmad dan ad-Darimi)

Menurut ulama, sebab dimakruhkan mengerjakan puasa sunat pada hari Sabtu secara khusus adalah kerana hari Sabtu merupakan hari yang diagungkan oleh orang-orang Yahudi. Mengerjakan puasa sunat secara khusus pada hari Sabtu menggambarkan seolah-olah seseorang itu menyerupai orang Yahudi yang mengagungkan hari tersebut.

**(iii) Larangan Mengerjakan Puasa Sunat Pada Hari Ahad**

Adapun larangan mengerjakan puasa sunat pada hari Ahad secara khusus pula adalah diqiyaskan kepada riwayat-riwayat yang melarang mengerjakan puasa sunat secara khusus pada hari Sabtu. Ini kerana hari Ahad merupakan hari yang diagungkan oleh orang-orang Nasrani sebagaimana hari Sabtu merupakan hari yang diagungkan oleh orang-orang Yahudi. Maka dengan mengerjakan puasa sunat pada hari Ahad secara khusus menggambarkan seolah-olah seseorang itu menyerupai orang Nasrani yang mengagungkan hari tersebut.

***'SEKIRANYA seseorang itu mengerjakan puasa sunat pada hari Jumaat, lalu dia menjadi lemah, ini akan menjejaskan peluang dan kemampuannya untuk mengerjakan dan meraih segala fadilat dan ganjaran pahala ibadat yang dikhususkan pada hari tersebut. Oleh sebab itu, mengerjakan puasa sunat tanpa apa-apa sebab adalah dimakruhkan pada hari Jumaat walaupun pada hakikatnya orang tersebut tidak berasa lemah jika dia mengerjakan puasa.'***

**Bila Mengerjakan Puasa Pada Hari Jumaat, Sabtu Dan Ahad Tidak Makruh?**

Walaupun pada dasarnya mengerjakan puasa sunat pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad secara khusus dihukumkan makruh, namun hukum makruh ini akan luput sekiranya puasa pada hari-hari berkenaan dikerjakan dalam keadaan berikut :

**(i) Menggabungkannya dengan hari sebelumnya atau hari selepasnya**

Maka dari itu, tidak makruh sekiranya seseorang yang mengerjakan puasa sunat pada hari Khamis untuk menyambung mengerjakan puasa pada hari Jumaat. Begitu juga tidak makruh sekiranya seseorang yang mengerjakan puasa sunat pada hari Jumaat dan hari Sabtu secara berturut-turut.

Apa yang dimaksudkan dalam hal ini ialah hendaklah puasa yang dikerjakan pada salah satu daripada tiga hari tersebut digabungkan atau diiringi dengan puasa pada hari sebelumnya atau selepasnya tanpa ada jurang hari di antara keduanya. Maka makruh hukumnya sekiranya orang yang mengerjakan puasa pada hari Jumaat menggabungkannya dengan puasa pada hari Ahad. Ini kerana terdapat satu jurang hari iaitu hari Sabtu.

Di sini timbul persoalan, sekiranya seseorang itu mengerjakan puasa pada hari Jumaat misalnya, dan dia berniat untuk menggabungkan puasa hari Jumaat itu dengan mengerjakan puasa pada hari Sabtu, kemudian setelah masuk hari Sabtu, dia tidak mengerjakan puasa, adakah dengan wujudnya niat dan azam untuk menggabungkan puasanya itu sudah memadai untuk meluputkan hukum makruh walaupun pada hakikatnya niat dan azamnya itu tidak ditunaikannya?

Menurut ulama, antaranya Imam asy-Syibramalissi Rahimahullah, dan turut dipersetujui oleh Imam asy-Syarwani Rahimahullah, hukum makruh mengerjakan puasa sunat secara khusus pada hari-hari tersebut tidak memadai untuk ditampung oleh niat semata-mata. Maksudnya, sekiranya seseorang itu mengerjakan puasa pada hari Jumaat dengan niat untuk menyambung puasanya itu dengan mengerjakan puasa pada hari Sabtu, kemudian dia tidak mengerjakan puasa pada hari Sabtu itu atas sesuatu sebab, maka puasa sunat yang dikerjakannya pada hari Jumaat itu tetap dihukumkan makruh walaupun dia telah berazam untuk menggabungkannya dengan mengerjakan puasa pada hari Sabtu.

Dalam erti kata lain, orang yang hanya mengerjakan puasa sunat tanpa apa-apa sebab pada salah satu daripada hari tersebut, lalu dia tidak menggabungkannya dengan mana-mana hari sebelumnya atau selepasnya, maka hukumnya tetap makruh sama ada dia pada asalnya ada berniat untuk menggabungkannya atau tidak.

**(ii) Bertepatan Hari Tersebut Dengan Hari Dia Biasa Mengerjakan puasa**

Sebagai contoh, orang yang mempunyai kebiasaan mengerjakan puasa sunat secara berselang-seli. Sekiranya dia mengerjakan puasa sunat pada hari Isnin, Rabu, Jumaat dan Ahad, maka puasa sunat yang dikerjakannya pada hari Jumaat dan Ahad itu tidak makruh walaupun puasanya tidak diiringi dengan mana-mana hari yang bersambung sebelumnya atau selepasnya. Ini kerana hari Jumaat dan Ahad itu bertepatan dengan hari dia biasa mengerjakan puasa sunat.




Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Janganlah kamu mengkhususkan hari Jumaat dari hari-hari lainnya untuk mengerjakan puasa, kecuali memang hari itu bertepatan dengan hari dia (biasa) mengerjakan puasa.*"

(Hadis riwayat Muslim)

Maka menurut Imam asy-Syarbini Rahimahullah, diqiyaskan juga hadis ini dengan hari Sabtu dan Ahad.

**(iii) Hari Jumaat, Sabtu atau Ahad itu bertepatan jatuh pada hari yang disunatkan mengerjakan puasa**

Maka sekiranya hari Jumaat, Sabtu atau Ahad itu bertepatan jatuh pada hari-hari yang disunatkan mengerjakan puasa, contohnya hari tersebut adalah hari 'Asyura, Nisfu Syaaban, hari Arafah dan sebagainya, maka tidak makruh dia mengerjakan puasa sunat pada hari tersebut secara khusus walaupun dia tidak menggabungkan puasanya itu dengan mana-mana hari yang berada sebelumnya atau selepasnya.

**(iv) Puasa Nazar, Kifarah Dan Qada**

Begitu juga tidak makruh mengerjakan puasa nazar, kifarah atau qada pada hari Jumaat, Sabtu atau Ahad walaupun puasa itu dikerjakan tanpa menggabungkannya dengan mana-mana hari yang berada sebelumnya atau selepasnya.

Demikian penjelasan mengenai maksud larangan mengerjakan puasa sunat pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad serta bila puasa pada hari-hari tersebut tidak makruh atau dilarang. Apa yang dapat difahami ialah larangan tersebut bukanlah secara mutlak menegah mengerjakan puasa pada hari-hari berkenaan. Adapun yang dilarang pada hari-hari tersebut adalah mengerjakan puasa sunat tanpa sebab dengan tidak menggabungkannya dengan hari sebelumnya atau hari selepasnya. Walaupun hukumnya makruh, jika dikerjakan ia tetap sah.

Manakala puasa yang mempunyai sebab seperti puasa sunat 'Asyura yang bertepatan jatuh pada hari-hari tersebut, atau puasa-puasa yang wajib seperti puasa qada nazar dan kiffarah, atau bertepatan hari itu dengan hari dia biasa mengerjakan puasa, maka puasa-puasa seperti ini tidak makruh dikerjakan pada hari-hari berkenaan walaupun ia tidak digabungkan dengan hari sebelumnya atau selepasnya.

# Jadikan hobi sumber pendapatan

Oleh : Khartini Hamir

**LUMAPAS**, Selasa, 5 Februari. - Sekiranya bijak mengambil peluang dengan kebolehan diri yang dimiliki, aktiviti yang mulanya dianggap sebagai hobi dan dilakukan secara suka-suka itu mungkin boleh sahaja menjana pendapatan melebihi pekerjaan harian.

Menerusi temu bual bersama salah seorang suri rumah sepenuh masa, Dayang Hajah Aminah binti Haji Taha, 59, dari Kampung Lumapas menjelaskan, beliau meminati bidang masakan sudah lama sejak diusia muda lagi dan menjadikan minat beliau itu sebagai hobi tetap dan secara berterusan.

Namun sejak beberapa lama, hobi beliau tersebut berkembang menjadi salah satu sumber pendapatan bagi beliau dan keluarga antaranya beliau sering menerima tempahan masakan dalam majlis-majlis tertentu atau acara-acara keluarga secara *mini catering*.

Di samping itu, beliau turut membuat perniagaan secara kecil-kecilan dengan menerima tempahan masakan atau menghantar dan menjual pelbagai juadah masakan dan lauk-pauk beliau menerusi *cube* dan di petak jualan yang ada di pejabat-pejabat kerajaan, mahupun di syarikat swasta dengan berlebalkan nombor talian telefon bagi memudahkan pelanggan untuk menghubungi beliau untuk membuat tempahan makanan.

Ketika ditanya mengenai sambutan orang ramai, alhamdulillah beliau sentiasa melahirkan rasa syukur atas sambutan dan respons daripada pelanggan, yang mana tambahnya anggaran kasar setiap bulan jumlah hasil pendapatan melalui jualan dan tempahan makanan kadang-kadangnya sudah melebihi dari BND300 sebulan.

Menyentuh mengenai jenis menu masakan pula, Dayang Hajah Aminah menjelaskan, jenis menu masakan adalah tertakluk kepada cita rasa sendiri terutama bagi jenis masakan yang berupa lauk-pauk yang hendak dijual di petak-petak jualan.

Namun beliau juga turut menerima menu masakan menerusi cita rasa pelanggan secara *personal order*, dan penetapan harga pula adalah sekitar BND1.00 ke BND1.50 bagi satu *pack* makanan tertakluk kepada jenis masakan atau juadah sesuatu jualan itu.

Menerusi minat yang mendalam inilah, beliau juga sering dan malah sentiasa menerima sokongan dan dorongan daripada suami dan anak-anak beliau serta keluarga untuk terus-menerus meminati hobi beliau ini dan dalam masa yang sama menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

InsyaaAllah perancangan pada masa hadapan tambahnya, beliau ingin mengembangkan lagi perniagaan beliau ini dengan lebih luas dan teratur dengan perancangan strategi perniagaan yang lebih bersistematik agar impian untuk memiliki restoran dan kedai sendiri akan tercapai.

Dari itu, bagi para belia dan golongan pencari pekerjaan adalah disarankan untuk mengembangluaskan lagi minat dan hobi masing-masing dengan memanfaatkan kebolehan diri dan menukarnya kepada sesuatu yang boleh mendatangkan hasil atau boleh menjana pendapatan.

Umpamanya bagi yang meminati solekan boleh membuat perniagaan secara *tutorial-video* atau mengambil tempahan menjadi 'mak-andam' atau perkhidmatan 'MUA' dan sebagainya.

Bagi yang meminati hobi memancing pula boleh sahaja menjual hasil tangkapan mereka, dan dalam masa yang sama dapat merasa kepuasan melakukan aktiviti memancing itu.

Selain itu, bagi yang meminati bidang kraf tangan juga boleh sahaja menghasilkan sesuatu karya atau *masterpiece* atau sesuatu yang berupa *DIY* dan mempromosikan serta menjual hasil kraf tangan mereka menerusi saluran-saluran media sosial tertentu seperti Facebook, Instagram dan sebagainya.




# Enam rondaan dijalankan semasa cuti awam Tahun Baharu Cina






RONDAAN pencegahan jenayah dijalankan sempena cuti awam Tahun Baharu Cina oleh ahli-ahli Pengawasan Kejiranan (PK) Mukim Kianggeh, Kampung Jaya Bakti, Kampung Jaya Setia, Kampung Burong Pingai Berakas, Kampung Lugu dan Katimahar, Kampung Masin dan Kampung Lumapas 'B' (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BRUNEI DAN MUARA**, Selasa, 5 Februari. - Aktiviti rondaan pencegahan yang kerap dilakukan oleh ahli-ahli Pengawasan Kejiranan (PK) adalah salah satu langkah yang efektif dalam membantu mengurangkan dan membanteras kejadian-kejadian jenayah di negara ini.

Sebanyak enam rondaan pencegahan jenayah dijalankan pada Isnin, 4 Februari semalam sempena cuti awam Tahun Baharu Cina.

Rondaan-rondaan dibuat oleh PK Mukim Kianggeh, PK Kampung Jaya Bakti / Kampung Jaya Setia / Kampung Burong Pingai Berakas, PK Kampung Lugu dan Katimahar, PK Kampung Masin, PK Kampung Lumapas 'B' dan PK Mukim Amo, Temburong.

Di samping rondaan, turut dijalankan ialah 'Stop, Talk And Search' terhadap beberapa individu yang didapati semasa rondaan dijalankan.

Hasil daripada rondaan-rondaan yang telah dijalankan tidak menemukan sebarang kegiatan yang mencurigkan yang melibatkan jenayah.

# Manfaatkan penggunaan e-Dagang dalam urus niaga

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 4 Februari. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) menggalakkan penggunaan e-Dagang (*e-commerce*), iaitu pembelian secara dalam talian bagi para pengguna di Negara Brunei Darussalam sebagai alternatif lain bagi kemudahan orang ramai dan vendor-vendor tempatan.

"Salah satu peranan AITI adalah meningkatkan penggunaan *e-commerce* di negara ini terutama sekali dari kalangan orang ramai. Hasil daripada kaji selidik pengguna e-Dagang 2018 yang telah dijalankan oleh pihak AITI, di mana mengikut statistik pada masa ini telah menunjukkan penggunaan *e-commerce* pada kadar yang menggalakkan daripada orang ramai. Walau bagaimanapun pembelian daripada vendor tempatan perlu ditingkatkan lagi. Justeru, melalui Cyber Shop Fair ini diadakan untuk pengenalan vendor-vendor tempatan kepada orang ramai sekali gus memberi penerangan dan kemusykilan orang ramai mengenai penggunaan e-commerce," ujar Pengurus Kanan AITI, Dayang Rosnani binti Haji Md. Yussof semasa ditemui pada Cyber Shop Fair di Airport Mall, baru-baru ini.

Menurutnya, penerangan penggunaan e-commerce daripada vendor-vendor tempatan, pihak-pihak yang berkepentingan yang lain termasuk bank-bank yang terlibat dalam Cyber Shop Fair ini akan dapat menolong orang ramai dalam memberi penerangan mengenainya dalam meningkatkan kesedaran orang ramai, tatacara penggunaannya, di samping dari aspek sekuriti atau keselamatan untuk memberi penjelasan atau meningkatkan keyakinanpengguna dalam melakukan transaksi, membeli-belah dan berdagang secara dalam talian.

"Penggunaan *e-commerce* di luar negara meningkat namun penggunaan *e-commerce* masih baharu berkembang di negara ini walaupun teknologi tersebut sudah ada, yang tinggal hanya penggunaanya sahaja lagi," ujarnya lagi.

Beliau menjelaskan, Cyber Shop Fair diadakan bersempena dengan Cyber Shop Fest, iaitu kempen membeli belah secara *online* yang diadakan selama dua bulan, iaitu Januari dan Februari.




PENGUNJUNG Cyber Shop Fair juga berpeluang mengisi borang kaji selidik.

Katanya lagi, salah satu usaha AITI adalah dalam melaksanakan Kaji Selidik e-Dagang 2019 bagi para pengguna di negara ini untuk memahami status semasa penggunaan e-Dagang di Negara Brunei Darussalam, di samping untuk mengetahui isu-isu sebenar pengguna selain untuk merumuskan dan menangani permasalahan yang dihadapi kerana penggunaan e-Dagang bukan tanggungjawab satu agensi sahaja malah juga kerjasama dengan agensi-agensi lain.

Kaji selidik pengguna e-Dagang tersebut telah mula dijalankan pada awal tahun 2018, bertujuan untuk memahami sikap pengguna, tingkah laku dan keutamaan terhadap e-Dagang serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengguna tempatan.

Dalam hal tersebut, AITI akan terus bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan yang relevan dalam mencari jalan penyelesaian hasil daripada beberapa dapatan kaji selidik.

AITI berharap penemuan kaji selidik berkenaan akan memberi manfaat kepada agensi-agensi berkaitan dalam merangka program atau inisiatif yang sesuai yang dapat membantu meningkatkan penggunaan e-Dagang di negara ini.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesa wang AITI di *www.aiti.gov.bn* untuk keterangan lebih lanjut mengenai e-commerce, di samping juga boleh mengisi kaji selidik pengguna 2019 di *http://bit.ly/ecommbn19*.




PENGURUS Kanan AITI, Dayang Rosnani binti Haji Md. Yussof semasa ditemu bual Pelita Brunei.

***"SALAH satu peranan AITI adalah meningkatkan penggunaan 'e-commerce' di negara ini terutama sekali dari kalangan orang ramai. Hasil daripada kaji selidik pengguna e-Dagang 2018 yang telah dijalankan oleh pihak AITI, di mana mengikut statistik pada masa ini telah menunjukkan penggunaan 'e-commerce' pada kadar yang menggalakkan daripada orang ramai."***





ANTARA pengunjung Cyber Shop Fair bertempat di Airport Mall.

# Buku Panduan Produk 1K1P platform pengusaha promosikan produk

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Selasa, 5 Februari. - Edisi Pertama Buku Panduan Produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) menampilkan seramai 27 pengusaha dari Daerah Tutong yang terpilih, terdiri dari pengeluar produk kesihatan, makanan dan minuman.

Buku panduan tersebut menampilkan sebanyak 100 jenis produk yang tersenarai dan mengandungi sebanyak 26 muka surat.

Ahli Jawatankuasa (AJK) Penerbitan Buku Panduan Produk 1K1P, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan menjelaskan edisi pertama buku panduan tersebut diterbitkan dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong dengan Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong, yang mana edisi kali ini menampilkan produk-produk makanan, minuman dan produk kesihatan.

Jelasnya lagi, penerbitan buku tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha 1K1P di Daerah Tutong untuk mempromosikan produk mereka, di samping memudahkan orang ramai untuk membeli dan lebih mengetahui akan produk-produk yang terdapat di daerah ini.

Selain itu, tambahnya, dengan adanya buku tersebut akan dapat menyuntik semangat para pengusaha untuk meneruskan bidang perniagaan agar mereka dapat menghasilkan lagi produk yang baharu.

Beliau juga melahirkan harapan agar para pengusaha akan terus berusaha menghasilkan lagi produk yang bermutu dan tidak mudah patah semangat, kerana beliau yakin produk tempatan juga mempunyai kualiti setanding dengan produk dari negara luar.

"Rebut peluang untuk terus berusaha dan ini adalah salah satu batu loncatan bagi pengusaha-pengusaha yang terpilih untuk melebarkan lagi sayap mereka," ujarnya.

Dalam pada itu kepada para pengusaha yang belum tersenarai, beliau menyarankan agar tidak perlu risau kerana insyaa Allah, Buku Panduan Produk 1K1P bagi edisi seterusnya akan diterbitkan pada masa akan datang.

Orang ramai yang ingin mendapatkan buku edisi pertama buku panduan tersebut, bolehlah memuat naik di laman sesawang e-book di *https://ufile.io/yn240*.




BUKU Panduan Produk 1K1P memudahkan orang ramai untuk membeli dan mengetahui produk-produk yang terdapat di Daerah Tutong.



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**SEBUT HARGA**
**PERKHIDMATAN KANTIN**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 85 / 2018 / 2019**
**[BPPA-JAN-2019]**

KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH SULTAN HASSAN, BANGAR, KLUSTER 1, DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN :
**BND5.00**
**[Bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 86 / 2018 / 2019**
**[BPPA-JAN-2019]**

KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH SULTAN HASHIM, BATU APOI, KLUSTER 1, DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN :
**BND5.00**
**[Bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 87 / 2018 / 2019**
**[BPPA-JAN-2019]**

KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM, KLUSTER 1, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN :
**BND5.00**
**[Bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 88 / 2018 / 2019**
**[BPPA-JAN-2019]**

KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH SUNGAI HANCHING, KLUSTER 4, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN :
**BND5.00**
**[Bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 89 / 2018 / 2019**
**[BPPA-JAN-2019]**

KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI MAKTAB SAINS KUALA BELAIT, KLUSTER 6, DAERAH BELAIT, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN :
**BND5.00**
**[Bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]**

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
**16 FEBRUARI 2019**
**[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]**

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN :**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.45 Pagi**
**1.45 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

**Syarat-syarat Iklan Sebut Harga**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh Warga Tempatan.
2. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang di terima adalah betul.
3. Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.
4. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :**
**JPPK / LTK / 05 / 2019**
**MAINTENANCE REPAIR WORKS TO BUILDING, CIVIL ENGINEERING, GROUND MAINTENANCE & WASTE MANAGEMENT WORKS FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES AT MUARA CAMP**

**BAYARAN TAWARAN :**
**BND30.00 - Yuran Tawaran (tidak dikembalikan)**

**DOKUMEN 'SCHEDULE OF RATES' (VOL 1 & 2) :**
**BND500.00 (1 set) - (tidak dikembalikan)**

**KELAS : III & KE ATAS**

**KATEGORI : KA01, B01, E01 dan E02**

**TEMPOH PENYIAPAN :**
**DUA BELAS (12) BULAN**

**TARIKH AKHIR MEMBELI DAN MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :**
**SELASA, 19 FEBRUARI 2019 (JAM 4.30 PETANG)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**
**SELASA, 26 FEBRUARI 2019**
**(TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG)**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :**

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib Pertahanan, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari **Bangunan Arkib aras bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510 Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemaskini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran :

i. Sijil Pendaftaran Syarikat dan *Form* 16 / 17 / *Form* X;
ii. Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan yang dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;
iii. Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (*Tax Compliance Certificate*) dari Kementerian Kewangan yang terkini dan sah;
iv. *Statement of Annual Returns* yang terkini dan sah;
v. Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah);

Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut di atas boleh menyebabkan tawaran dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : VI (V & VI) SAHAJA**
**KATEGORI : [KA01 SAHAJA] - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
**2 MAC 2019 (SABTU)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**
**19 MAC 2019 (SELASA), JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :**
**JKR / DDS 005 / 2019 - (CDE).T.VI**
**NAMA PROJEK :**
**MEMBINA KOLAM PENAHANAN BANJIR DAERAH TUTONG FASA 1 (DESIGN & BUILD) - (TAWARAN SEMULA)**

**YURAN TAWARAN : BND1,000.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E -DOKUMEN : BND5.00**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan syarat- syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : III & IV SAHAJA**
**KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
**6 FEBRUARI 2019 (RABU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
**26 FEBRUARI 2019 (RABU) JAM 3.30 PETANG**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**
**5 MAC 2019 (SELASA) JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :**
**JKR / DOR / SRM 05 / 2019**
**NAMA PROJEK :**
**KERJA-KERJA MEMBAIKI CERUN DI JALAN BELAIS - BUKOK, KG. BUDA-BUDA, TEMBURONG**

**YURAN TAWARAN : BND50.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Radio Televisyen Brunei**
**Jalan Stoney**
**Bandar Seri Begawan, BB8610**
**Negara Brunei Darussalam.**
**Rujukan :**
**RTB / K / 71 / 18 - 19**
**Tarikh Tutup :**
**13 Februari 2019**

5. Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui e-mel ke *sebutharga.rtb@rtb.gov.bn* tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

6. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).

Sebarang pertanyaan bagi sebut harga :
**RTB / K / 58 / 18 - 19**
**RTB / K / 60 / 18 - 19**
**RTB / K / 61 / 18 - 19**
**RTB / K / 65 / 18 - 19**
**RTB / K / 68 / 18 - 19**
**RTB / K / 69 / 18 - 19**
**RTB / K / 70 / 18 - 19**
bolehlah menghubungi Penerbit Eksekutif, Awang Al-Fayyadh bin Metusin di talian +673 8234764.

Sebarang pertanyaan bagi sebut harga :
**RTB / K / 59 / 18 - 19**
**RTB / K / 64 / 18 - 19**
**RTB / K / 66 / 18 - 19**
**RTB / K / 67 / 18 - 19**
**RTB / K / 71 / 18 - 19**
bolehlah menghubungi Penerbit Eksekutif, Awang Wasli bin Hj. Piut di talian +673 8952487.

Sebarang pertanyaan bagi sebut harga :
**RTB / K / 62 / 18 - 19**
bolehlah menghubungi Penerbit Eksekutif, Dyg. Ching Viviyanti Ching Hasan di talian +673 8640694.

Sebarang pertanyaan bagi sebut harga :
**RTB / K / 63 / 18 - 19**
bolehlah menghubungi Penerbit Eksekutif, Dyg. Norhanisah Hj. Md. Yasop di talian +673 8830025.

# RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN FEBRUARI 2019 DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

| BIL. | KETERANGAN | HUA HO DEPARTMENT STORE (TG BUNUT) | SIFANA SDN BHD (MANGGIS) | SIM KIM HUAT TRADING CO SDN BHD (KIULAP) | SIM KIM HUAT TRADING CO SDN BHD (SENGKURONG) | SUPA SAVE (MABOHAI) | SUPA SAVE (MATA-MATA) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Mentega / Marjerin** | | | | | | |
| | GOLDEN CHURN - 340 g | $ 6.85 | $ 6.49 | $ 6.35 | $ 6.50 | $ 5.95 | $ 5.95 |
| | QBB - 454 g | $ 7.95 | $ 7.95 | $ 7.59 | $ 7.39 | $ - | $ - |
| | PLANTA; Margarine - 480 g | $ 3.25 | $ 3.50 | $ 3.39 | $ 3.39 | $ 3.50 | $ 3.50 |
| 2 | **Makanan dalam tin** | | | | | | |
| | YEO'S; Chicken Curry - 145 g | $ 1.45 | $ 1.55 | $ 1.50 | $ 1.50 | $ 1.55 | $ 1.55 |
| | REX; Chicken Curry - 160 g | $ 1.60 | $ 1.40 | $ 1.50 | $ 1.30 | $ - | $ - |
| | AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Tall - 230 g | $ 2.40 | $ 2.30 | $ 2.25 | $ 2.30 | $ 2.40 | $ 2.40 |
| | KARA; Natural Coconut Extract - 200 ml | $ 1.20 | $ 1.10 | $ 0.99 | $ 1.05 | $ 1.10 | $ 1.10 |
| | AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Tin - 270 ml | $ 1.80 | $ 1.80 | $ 1.70 | $ 1.70 | $ 1.65 | $ 1.65 |
| | CHAKOAH; Coconut Milk Gata - 400 ml | $ 1.75 | $ - | $ 1.65 | $ 1.70 | $ 1.55 | $ 1.55 |
| | BABU KITCHEN; Coconut Milk Indo - 400 ml | $ 1.50 | $ 1.75 | $ 1.50 | $ 1.50 | $ 1.60 | $ 1.60 |
| 3 | **Telor ayam** | | | | | | |
| | 1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray | $ 4.20 | $ 4.60 | $ 4.60 | $ 4.30 | $ 5.70 | $ 5.70 |
| 4 | **Susu pekat manis** | | | | | | |
| | F&N - 390 g | $ 1.05 | $ 0.99 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | MILKMAID - 388 g | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.05 |
| | TEAPOT - 388 g | $ 1.25 | $ 0.95 | $ - | $ - | $ 1.25 | $ 1.25 |
| 5 | **Minyak masak** | | | | | | |
| | SANIA - 5 ltr | $ 6.99 | $ 7.20 | $ 7.19 | $ 7.20 | $ 6.95 | $ 6.95 |
| | SERI MURNI - 5 kg | $ 8.05 | $ 7.99 | $ 8.15 | $ 8.20 | $ 7.80 | $ 7.80 |
| | MAZOLA; Corn - 3 kg | $ 12.99 | $ 15.50 | $ 14.19 | $ 15.90 | $ 14.20 | $ 14.20 |
| | NATUREL; Sunflower - 3 kg | $ 10.80 | $ - | $ 10.50 | $ 10.20 | $ 10.30 | $ 10.30 |
| | LABOUR @ CAP BURUH - 5 kg | $ 10.45 | $ 9.59 | $ 9.29 | $ 9.80 | $ 9.55 | $ 9.55 |
| | SUNCO; Vegetable - 5 ltr | $ 8.50 | $ 8.99 | $ 9.29 | $ 9.50 | $ 8.95 | $ 8.95 |
| | BORGES; Classic Olive Oil - 1 ltr | $ 9.55 | $ 9.90 | $ - | $ - | $ 6.25 | $ 6.25 |
| | COLAVITA; Olive Oil - 1 ltr | $ 8.50 | $ 9.50 | $ - | $ - | $ 10.40 | $ 10.40 |
| | FRAGATA; Olive Oil - 1 ltr | $ 12.00 | $ - | $ - | $ - | $ 5.20 | $ 5.20 |
| | LINKS; Pure Olive Oil - 1 ltr | $ 14.00 | $ 13.20 | $ - | $ - | $ 5.20 | $ 5.20 |
| | NATUREL; Olive Oil - 750 ml | $ - | $ - | $ - | $ - | $ 5.20 | $ 5.20 |
| | OLITALIA 100% Pure Olive Oil - 1 ltr | $ 9.90 | $ - | $ - | $ - | $ 4.55 | $ 4.55 |
| 6 | **Minuman sirap berperisa** | | | | | | |
| | F&N SUN VALLEY; Grenadine - 2 lit | $ 4.95 | $ 3.95 | $ 4.50 | $ 4.70 | $ 4.90 | $ 4.90 |
| | F&N SUN VALLEY; Rose - 2 lit | $ 5.30 | $ 3.95 | $ - | $ 4.70 | $ 4.90 | $ 4.90 |
| | F&N SUN VALLEY; Sarsi - 2 lit | $ 4.95 | $ 3.95 | $ 4.50 | $ 4.70 | $ 4.90 | $ 4.90 |
| | RIA KORDIAL; Rose - 2 lit | $ 4.60 | $ 3.95 | $ 4.49 | $ 4.60 | $ - | $ - |
| | RIA KORDIAL; Sarsi - 2 lit | $ 4.60 | $ 3.95 | $ 4.49 | $ 4.40 | $ - | $ - |
| | ROSE; Rose Syrup Flavour - 750 ml | $ 4.20 | $ - | $ 4.29 | $ 3.99 | $ 3.70 | $ 3.70 |
| 7 | **Pencuci pakaian** | | | | | | |
| | EKONOMI; Handalan Putih Kekal Baru - 2.5 kg | $ - | $ - | $ - | $ - | $ 5.50 | $ 5.50 |
| | DAIA; Excellent Washing Powder - 2.5 kg | $ 6.55 | $ 5.95 | $ 6.50 | $ 6.20 | $ 6.50 | $ 6.50 |
| | BREEZE; Liquid Detergent - 2000 ml | $ - | $ 7.50 | $ 5.50 | $ 5.40 | $ - | $ - |
| | CLOROX; Liquid Bleach - 1 lit | $ 1.90 | $ 1.95 | $ 2.20 | $ 2.20 | $ 2.00 | $ 2.00 |
| | COCOREX; Liquid Bleach - 1 lit | $ 1.60 | $ 1.95 | $ 1.70 | $ 1.50 | $ 1.60 | $ 1.60 |
| 8 | **Mee kering** | | | | | | |
| | Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah - 400 g | $ 1.90 | $ - | $ 1.90 | $ 1.85 | $ - | $ - |
| | Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150 g | $ 0.55 | $ 0.50 | $ 0.50 | $ 0.55 | $ 0.55 | $ 0.55 |
| | Wai Wai Oriental Style - 400 g | $ 1.25 | $ - | $ 1.30 | $ 1.30 | $ 1.15 | $ 1.15 |
| | CAP LIMAU; Mee Hoon - 400 g | $ 1.10 | $ 0.99 | $ 1.10 | $ 1.05 | $ 1.00 | $ 1.00 |
| 9 | **Minuman** | | | | | | |
| | BOH; Tea - 200 g | $ 2.40 | $ 2.60 | $ 2.50 | $ 2.60 | $ 2.60 | $ 2.60 |
| | LIPTON; Yellow label - 200 g | $ 2.00 | $ 2.10 | $ - | $ 3.69 | $ 3.30 | $ 3.30 |
| | NESCAFE; Classic - 200 g | $ - | $ 7.50 | $ 5.99 | $ 6.50 | $ 6.50 | $ 6.50 |
| | SEHAT; Botol - 1.5 litre | $ 0.80 | $ 0.90 | $ 0.80 | $ 0.75 | $ 0.70 | $ 0.70 |
| | SUCI; Botol - 1.5 litre | $ 0.70 | $ 0.80 | $ 0.80 | $ 0.65 | $ 0.55 | $ 0.55 |
| 10 | **Susu cair** | | | | | | |
| | COW BELL - 400 g | $ 1.00 | $ 0.99 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.00 | $ 1.00 |
| | F&N - 400 g | $ 1.20 | $ 1.15 | $ 1.10 | $ 1.10 | $ - | $ - |
| | IDEAL - 405 g | $ 1.45 | $ 1.29 | $ 1.39 | $ 1.55 | $ 1.30 | $ 1.30 |
| 11 | **Tepung** | | | | | | |
| | PRIMA; Plain - 1 kg | $ 2.35 | $ 2.10 | $ 2.09 | $ 2.20 | $ 2.00 | $ 2.00 |
| 12 | **Susu tepung formula** | | | | | | |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g | $ - | $ 8.49 | $ 8.49 | $ 8.39 | $ 11.30 | $ 11.30 |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g | $ - | $ 8.49 | $ 8.49 | $ 8.39 | $ - | $ - |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g | $ - | $ 8.49 | $ 8.49 | $ 8.39 | $ - | $ - |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn)Fruit & Vegetable - 900 g | $ - | $ 10.30 | $ 10.50 | $ 9.99 | $ - | $ - |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g | $ 8.65 | $ 8.49 | $ - | $ 8.39 | $ 8.65 | $ 8.65 |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g | $ - | $ 8.49 | $ - | $ 8.39 | $ 8.65 | $ 8.65 |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 900 g | $ 10.35 | $ 8.49 | $ - | $ 9.99 | $ 10.35 | $ 10.35 |
| | DUTCH LADY/FRIESLAND; Advance 123 ( 1Thn + ) - Asli - 1.3 kg (650g X 2) | $ - | $ 12.60 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | DUTCH LADY/FRIESLAND; Advance 123 ( 1Thn + ) - Madu - 1.3 kg (650g X 2) | $ - | $ 12.60 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | DUTCH LADY/FRIESLAND; Advance 123 ( 1Thn + ) - Coklat - 1.3 kg (650g X 2) | $ - | $ 12.60 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - {Turquoise} - 700 g (350g X 2) | $ 27.40 | $ 25.20 | $ 26.49 | $ 27.00 | $ 27.50 | $ 27.50 |
| | NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - {Turquoise} - 900 g | $ - | $ 30.90 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | NESTLE; Nan - 2 Pro Follow Up Formula (6 Mths - 3 Yrs) Langkah 2 (6 Mths - 3 Yrs) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - 700 g (350g X 2) | $ 26.20 | $ 24.50 | $ 25.49 | $ 25.20 | $ 26.50 | $ 26.50 |
| | NESTLE; Nan - 3 Grow Formulated Milk Powder For Children (1 - 3 Yrs) Pro Grow Bifidus B, Optipro Lipidsmart DHA + ARA Stripe - {Blue} - 700 g (350g X 2) | $ 18.20 | $ 27.50 | $ 17.49 | $ 18.20 | $ - | $ - |
| 13 | **Ayam segar** | | | | | | |
| | Whole Chicken (Bulat) - 1 kg | $ 3.80 | $ 4.50 | $ 3.99 | $ 3.89 | $ 4.30 | $ 4.30 |
| 14 | **Lampin bayi pakai buang** | | | | | | |
| | DRYPERS; Wee Wee Dry Newborn (Up t0 5 kg) - NB 28 | $ 7.15 | $ 5.90 | $ 6.30 | $ 6.00 | $ 7.80 | $ 7.80 |
| | DRYPERS; Small (3-7 kg) - S 32 | $ - | $ 11.99 | $ 6.30 | $ 6.00 | $ 7.80 | $ 7.80 |
| | DRYPERS; Medium (6-11 kg) - M 28 | $ - | $ 11.99 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.80 | $ 7.80 |
| | DRYPERS; Large (9-14 kg) - L 44 | $ 10.70 | $ 11.99 | $ 11.50 | $ 11.45 | $ 12.90 | $ 12.90 |
| | MAMY POKO; Newborn (Up t0 5 kg) - NB 28+2 | $ - | $ 12.99 | $ - | $ - | $ 13.90 | $ 13.90 |
| | MAMY POKO; Small (3-8 kg) - S 44 | $ 12.50 | $ 11.99 | $ 12.99 | $ 13.99 | $ 13.90 | $ 13.90 |
| | MAMY POKO; Medium (6-11 kg) - M 38 | $ - | $ 11.99 | $ 12.99 | $ 13.99 | $ 13.90 | $ 13.90 |
| | MAMY POKO; Large (9-14 kg) - L 32 | $ 12.50 | $ 11.99 | $ 12.99 | $ 13.99 | $ 13.90 | $ 13.90 |
| | EQ DRY; Newborn (Up t0 5 kg) - NB 20/22 | $ - | $ 3.70 | $ 3.99 | $ 3.95 | $ 3.80 | $ 3.80 |
| | EQ DRY; Small (3-7 kg) - S 40 | $ 7.80 | $ 7.40 | $ 8.20 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 |
| | EQ DRY; Medium (6-11 kg) - M 36 | $ 7.80 | $ 7.40 | $ 8.20 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 |
| | EQ DRY; Large (9-14 kg) - L 48 | $ 10.55 | $ 10.99 | $ 11.50 | $ 11.45 | $ 7.50 | $ 7.50 |
| 15 | **Mee segera** | | | | | | |
| | MAGGI; Curry - 80g x 5 | $ 1.35 | $ 1.45 | $ 1.45 | $ 1.60 | $ 1.35 | $ 1.35 |
| | MAGGI; Ayam - 80g x 5 | $ 1.35 | $ 1.45 | $ 1.45 | $ 2.60 | $ 1.35 | $ 1.35 |
| | MAGGI; Asam - 80g x 5 | $ 1.80 | $ 1.75 | $ 1.75 | $ 1.75 | $ 1.65 | $ 1.65 |
| | INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5 | $ 1.50 | $ 1.49 | $ 1.39 | $ 1.40 | $ 1.60 | $ 1.60 |
| | INDO MIE; Mee Goreng (Old Packaging) - 80g x 5 | $ 1.40 | $ - | $ 1.59 | $ 1.35 | $ - | $ - |
| 16 | **Mayonis** | | | | | | |
| | LADY'S CHOICE; Real Mayonnaise - 470 ml | $ 3.90 | $ 3.95 | $ 3.49 | $ 4.20 | $ 4.90 | $ 4.90 |
| 17 | **Milo (Malaysia)** | | | | | | |
| | Nestle Milo - 1.5 kg | $ 10.20 | $ 10.50 | $ 10.99 | $ 11.50 | $ 10.10 | $ 10.10 |
| 18 | **Bawang** | | | | | | |
| | Brown Onion (Bawang Besar) - 1 kg | $ 1.50 | $ 1.50 | $ 1.49 | $ 1.49 | $ 1.20 | $ 1.20 |
| | Garlic (Bawang Putih) - 1 kg | $ 1.30 | $ 2.20 | $ 1.90 | $ 1.59 | $ 2.20 | $ 2.20 |
| | Shallot (Bawang Merah) - 1 kg | $ 2.10 | $ 1.90 | $ 1.99 | $ 1.99 | $ 2.80 | $ 2.80 |
| 19 | **Sos** | | | | | | |
| | Oyster Sauce (Lee Kum Kee) - 510 gm | $ 2.40 | $ 6.20 | $ 2.60 | $ 2.65 | $ 6.20 | $ 6.20 |
| | HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml | $ 3.20 | $ 2.99 | $ 2.99 | $ 2.99 | $ 3.60 | $ 3.60 |
| | HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml | $ 3.30 | $ 2.99 | $ 3.09 | $ 3.10 | $ 2.90 | $ 2.90 |
| | MAGGI; Cilli Sauce - 340 gm | $ 1.15 | $ 1.20 | $ 1.29 | $ 1.20 | $ 1.15 | $ 1.15 |
| | MAGGI; Tomato Ketchup - 325 gm | $ 1.05 | $ 1.35 | $ 1.10 | $ 1.10 | $ 1.05 | $ 1.05 |
| | ADABI; Oyster Sauce (Sos Tiram) - 510 gm | $ 2.45 | $ 2.30 | $ 2.39 | $ 2.60 | $ 2.60 | $ 2.60 |
| | NONA; Oyster Sauce (Sos Tiram) - 510 gm | $ 1.95 | $ 2.20 | $ 1.95 | $ 1.99 | $ 2.10 | $ 2.10 |

*Harga barang tertakluk kepada stok.

***Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang www.depd.gov.bn/cad.
Aplikasi mudah alih PenggunaBijak boleh di muat-turun dari Google Playstore dan Apple iTunes App Store.

Sebarang maklumat atau aduan boleh hubungi hotline JPKE +6732 230223 semasa waktu pejabat atau e-mel : *aduanpengguna@jpke.gov.bn* dan *consumercomplaint@jpke.gov.bn*

# Perjumpaan Suku Tahun PPDB bersama Ahli PK Temburong

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei



PERJUMPAAN Suku Tahun Kali Ke-4 / 2018 Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung serta agensi kerajaan bagi Daerah Temburong yang diadakan di Dewan Muafakat, Pejabat Daerah Temburong.

**TEMBURONG**, Selasa, 5 Februari. - Perjumpaan Suku Tahun Kali Ke-4 / 2018 Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung serta agensi kerajaan bagi Daerah Temburong telah diadakan baru-baru ini bertempat di Dewan Muafakat, Pejabat Daerah Temburong.

Hadir bagi mempengerusikan mesyuarat berkenaan ialah Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Yang Mulia Timbalan Penguasa Polis (DSP) Pengiran Muhaimin bin Pengiran Haji Mustafa bersama Pemangku Pegawai Menguasa Balai Polis Bangar, Inspektor Alif Nur Khaliq bin Haji Mat Rasil; Sarjan Major 2547 Seperidin anak Dingai beserta ahli-ahli Focal Point dan anggota Balai.

Turut hadir pada pemuzakarahan tersebut para Penasihat dan Pengerusi PK terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu juga selaku Penghulu Mukim Bokok, Penghulu, Ketua-ketua Kampung, Ketua Cawangan Keselamatan Dalam Negeri Daerah Temburong, Pegawai Pemerintah Kompeni 'E' Perkhemahan Bangar serta ahli-ahli Pengawasan Kejiranan (PK) di Daerah Temburong.

Menerusi perjumpaan berkenaan, ia memberikan peluang untuk membincangkan berhubung dengan statistik jenayah dan kemalangan lalu lintas serta cara mengatasi pencegahan jenayah dengan kawalan rondaan malam di kawasan persekitaran kampung.

Selain itu, dalam perjumpaan ini memudahkan bagi Penghulu dan Ketua Kampung menyampaikan pandangan dan isu-isu permasalahan yang dihadapi dan sama-sama bersikap prihatin serta pemeduli dalam memastikan rakyat dan penduduk serta masyarakat hidup dengan sejahtera.

Perjumpaan ini dapat mengeratkan lagi perhubungan mesra yang terjalin di antara agensi kerajaan yang hadir, Penghulu Mukim, Ketua Kampung bersama PPDB bagi sama-sama berganding bahu memajukan dan meningkatkan fokus hidup bermasyarakat.



# Sejarah kesultanan sumber identiti keBruneian



AHLI - ahli Jawatankuasa Tertinggi PESEBAR Sesi Tahun 2017 - 2019 bergambar ramai dengan ahli-ahlinya yang hadir dalam Mesyuarat Agung Ke-7.

**Sumbangan : Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**

PERSATUAN Sejarah Brunei (PESEBAR) ditubuhkan pada 24 April 1983 dan pendaftarannya telah dibenarkan pada 8 Februari 1984. Matlamat penubuhannya adalah untuk memartabatkan Sejarah Brunei dan seterusnya menanam nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai asas pembentukan jati diri dan identiti keBruneian sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Dipertua PESEBAR, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Dr. Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim sempena perasmian Mesyuarat Agung Kali Pertama yang telah diadakan pada 24 Mei 1984 :

"*Mudah-mudahan PESEBAR di Negara Brunei Darussalam akan dapat menyumbangkan apa-apa jua usaha yang terdaya dalam pengkajian-pengkajian yang betul mengenai sejarah untuk dipersembahkan kepada bangsa sesuai dengan sifat Negara Brunei Darussalam yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pengisytiharan kemerdekaan pada 1 Januari 1984.*"

Ini bererti sehingga kini PESEBAR sudah mencapai usia lebih kurang 35 tahun. Matlamatnya untuk memartabatkan dan memperkenalkan Sejarah Negara Brunei Darussalam yang juga bererti Sejarah Islam berdasarkan pengislaman Awang Alak Betatar yang dikenali Sultan Muhammad Shah pada tahun 1368. Sejarah Kesultanan Brunei adalah memperlihatkan titik - tolak sejarah perkembangan dan pengukuhan Islam di bumi Brunei Darussalam dengan kehadiran Sharif Ali dari Taif yang menjadi Sultan Brunei Ke-3 setelah berkahwin dengan Puteri Sultan Ahmad. Sebagaimana menurut penjelasan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Muhammad Jamil Al-Sufri, dalam pertemuan dengan penulis di rumah kediamannya pada 19 Ogos 2018. Malah seorang tokoh sejarawan Islam Profesor Datuk Dr. Haji Osman Bakar yang pernah bertugas sebagai pensyarah di Universiti Brunei Darussalam berpendapat bahawa asas bagi pembentukan identiti bangsa Melayu khususnya bangsa Brunei adalah nilai-nilai yang terdapat pada ajaran Islam, sistem beraja dan budaya Melayu. Ini perlu dipertahankan oleh generasi baharu bangsa Brunei masa kini.

Maka Sejarah Kesultanan Brunei adalah gambaran perjuangan dalam menyebarkan dan mempertahankan martabat ugama Islam sebagai ugama rasmi di bumi Brunei Darussalam. Oleh itu, sejarah kesultanan negara ini perlu diketahui dan difahami oleh rakyat dan penduduk negara ini bahkan juga masyarakat luar pada peringkat serantau dan antarabangsa. Sejarah Islam adalah rintisan perjuangan Sultan-Sultan Brunei untuk mempastikan kesinambungan amalan sistem tradisi MIB sebagai identiti bangsa Brunei. Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini PESEBAR telah melaksanakan program-program dan aktiviti dalam bentuk penyelidikan dan pengongsian maklumat melalui seminar, forum, persidangan, penerbitan buku dan jurnal serta peraduan menulis artikel sejarah yang berkaitan dengan persejarahan Brunei. Alhamdulillah, pada Ahad, 28 Januari 2018, PESEBAR telah mengadakan Mesyuarat Agung Ke-7 dan seterusnya melancarkan buku yang bertajuk Kegemilangan Pemerintahan : Kumpulan Artikel Sempena Jubli Emas Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (1967 - 2017) yang ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah mantan Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. Sebagaimana harapan dan harsat Yang Dipertua PESEBAR dalam ucapan alu-aluan dalam majlis tersebut supaya ahli-ahli persatuan lebih komited dan sama-sama menyertai persatuan ini bagi mendukung matlamat dan tujuannya dalam menanam semangat kecintaan kepada negara MIB. Dalam Mesyuarat Agung Ke-7 ini Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Dr. Haji Awang Yahya telah dilantik sebagai Yang Dipertua PESEBAR bagi Sesi Tahun 2017 - 2019 dengan tambahan lantikan bagi ahli-ahli jawatankuasa tertinggi yang baharu. Pada dewasa ini jumlah keahlian PESEBAR yang berdaftar ialah 430 orang.

Ke arah memartabatkan Sejarah Kesultanan Brunei selaras dengan tujuan penubuhannya, julung-julung kalinya PESEBAR juga telah mengadakan lawatan ke luar negara dalam rangka untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama pada peringkat serantau melalui kerjasama dengan masyarakat luar. Secara tidak langsung melalui lawatan muhibbah ke luar negara ini ahli rombongan PESEBAR cuba untuk mengadakan perbincangan serta pengongsian ilmu dalam bidang persejarahan yang berkaitan dengan Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, pada 15 hingga 20 awal tahun ini, buat pertama kalinya PESEBAR menggerakkan kegiatannya ke luar negara dengan mengunjungi Aceh Darussalam dan seterusnya menyertai seminar dan lawatan ke Lombok dan Bandung pada 26 Julai hingga 7 Ogos 2018.

Di samping mengadakan perbincangan dan diskusi dua hala dengan pakar-pakar sejarah, budaya, ugama, bahasa dan perekonomian, ahli-ahli rombongan juga berkesempatan melawat tempat bersejarah dan menarik di Kota Aceh. Memandangkan Aceh adalah Serambi Mekah setentunya lawatan ini adalah juga bertujuan untuk meningkat ketakwaan dan keimanan pada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengunjungi kesan-kesan dari peninggalan peristiwa Tsunami yang berlaku pada 26 Disember 2004. Sesungguhnya kesan-kesan peristiwa Tsunami telah menjadi iktibar dan juga pengajaran kepada kita semua akan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang telah menentukan kehendaknya kepada sesuatu supaya manusia itu sentiasa bersyukur dan beriman pada-Nya.

Dari perspektif sejarah Aceh Darussalam dan Brunei Darussalam memang mempunyai banyak persamaan. Contohnya dari sudut salasilah keturunan sultan-sultan yang memerintah di Brunei dan Aceh. Keturunan Kesultanan Perlak yang menjurus kepada Sultan-Sultan Aceh adalah pancir daripada keturunan cucu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu Sayidina Hussin sedang Sultan Sharif Ali (Sultan Brunei Ke-3) adalah dari keturunan Sayidina Hassan menurut pandangan Yang Berhormat Pehin Pengetua Pusat Sejarah Brunei. Dalam cabaran menghadapi kedatangan kuasa-kuasa Barat, Aceh Darussalam telah berperang dan berjuang mempertahankan kedaulatan Islam dan kesultanannya dari serangan Portugis dan Belanda, akhirnya Sultan Aceh terpaksa menyerahkan kedaulatannya pada Belanda pada tahun 1903. Manakala Kesultanan Brunei terpaksa menerima pertapakan kuasa British melalui pelantikan seorang Residen berdasarkan Perjanjian Naungan 1905 / 06. Dari segi pelaksanaan Hukum Kanun Jenayah Syar'iah kedua-dua kerajaan telah pun mengisytiharkan pelaksanaan Aceh Darussalam bermula pada tahun 2004 dan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2013.

Dalam kunjungan ini, Ahli-ahli PESEBAR telah berkesempatan menyaksikan pelaksanaan Kanun Jenayah (Hukuman Sebat atau Cambuk) yang berlangsung di halaman Masjid Baitussalihin, Ulee Kareng, Banda Aceh selepas Solat Jumaat. Seramai 10 orang Pelanggar Kanun Jenayah menjalani proses hukuman cambuk (rotan). Seluruhnya ada 11 orang yang dijadualkan menjalani hukuman, namun seorang daripadanya telah ditunda kerana kesihatannya tidak mengizinkannya untuk menjalani hukuman tersebut. Jenis pelanggaran yang dilakukan adalah kesalahan khalwat, meminum minuman keras (dan penyedia / penyelenggara) dan rasuah. Proses hukuman cambuk ini disaksikan oleh Walikota Banda Aceh, H. Aminullah Usman, Ketua DPRA Muharrudin, Kajati Aceh, Kajari Banda Aceh, Forkopimda Kota Banda Aceh, tokoh agama, tokoh adat serta ratusan warga Banda Aceh.

Banyak lagi persamaan dari budaya, bahasa, makanan tradisi yang terdapat dalam kehidupan kedua masyarakat Brunei Darussalam dan Aceh Darussalam. Misalnya pertemuan dengan IKABOGA rombongan PESEBAR disambut dengan hangat dan akrab selama sekitar dua jam. Dalam pertemuan ini IKABOGA Aceh melalui ketua umum, Haji Ismaniar, S.E. telah memperkenalkan berbagai kuliner khas Aceh dan berbagai kerajinan hasil karya wanita Aceh. Sebagaimana kata Ujar Hajah Ismaniar, S.E., "*Saya berharap pertemuan ini bisa menjadi awal hubungan kerjasama yang lebih erat di masa yang akan datang. Salah satunya membuka kesempatan memasarkan hasil karya wanita-wanita Aceh baik berupa produk kuliner mahupun kerajinan di Brunei.*"

Dalam kunjungan ini, Ahli PESEBAR juga telah disambut dengan Majlis Makan Malam oleh isteri Gabenor Aceh serta pertemuan mesra dengan Walikota Banda Aceh dan Ketua Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Aceh. Rombongan PESEBAR juga berkesempatan melawat ke beberapa tempat bersejarah di Kota Aceh terutama di kawasan-kawasan yang dilanda oleh bencana Tsunami pada tahun 2004. PESEBAR berharap lawatan ini merupakan lawatan rintis dalam rangka untuk bekerjasama dalam bidang kesejarahan dari segi penyelidikan, penerbitan bahan-bahan sejarah serta perekonomian seperti pelancongan.

Begitulah pentingnya sejarah sebagai bahan rujukan dan iktibar untuk menjalani kehidupan di dunia. PESEBAR akan terus berusaha sebagai punggur untuk mengetengahkan sejarah kesultanan di negara ini yang bersandarkan sejarah Islam sebagai rujukan dan pembuktian kewujudan negara MIB. Perkara ini menjadi tanggungjawab bersama rakyat dan penduduk negara ini dalam menangkis apa jua cabaran-cabaran dari luar negara. Langkah ini diambil memandangkan wujudnya letusan serta gegaran pengaruh dunia tanpa sempadan hingga menghakis nilai-nilai jati diri bangsa. Alhamdulillah, PESEBAR akan terus berusaha untuk mengukuhkan dan menanam nilai-nilai semangat jati diri keBruneian melalui kegiatan-kegiatan dalam dan luar negara dalam bidang persejarahan dengan berteraskan MIB.

Bagi Negara Brunei Darussalam, nilai-nilai Sejarah Kesultanan Brunei insyaaAllah akan terus mendapat tempat yang tinggi kerana ia tidak boleh dipisahkan dengan falsafah negara MIB.

## Apa Pendapat Biskita?

# Julang Produk Tempatan

SEBAGAI negara yang maju dan kian membangun, Brunei Darussalam sebenarnya telah berjaya mengeluarkan pelbagai produk serta barangan sendiri atas hasil keringat usahawan-usahawan kecil dan sederhana mahupun usahawan yang berjaya di negara sendiri. Sudah tiba masanya untuk rakyat di negara ini membuka mata tentang barangan buatan tempatan di mana kualitinya setanding dengan barangan luar negara, malah segelintirnya ada yang lebih baik daripada produk luar negara.

Sudah tiba masanya bagi rakyat di negara ini untuk tidak lagi mengagungkan barangan luar. Barangan keluaran tempatan kini sudah setanding dengan produk luar dari segi kualitinya, malah dijamin akan kehalalan serta kualitinya. Dengan ini muncul satu persoalan, apakah kebaikan membeli barangan buatan tempatan tersebut?

"Selain menjimatkan perbelanjaan keluarga, manfaat lainnya ialah meningkatkan imej negara, dan dalam hal ini dikatakan demikian kerana melalui pembelian barangan tempatan, kita dapat mempromosikan jenama tempatan kita sendiri di mata dunia." **- Jenny Safira.**

"Faktor yang menyumbang masyarakat lebih gemar mengagung-agungkakn barangan import biarpun harganya mahal ialah kerana mereka beranggapan bahawa barangan import lebih berkualiti, apatah lagi mereka yang memang gemar kepada barangan yang *trendy* dan berjenama terkenal. Lazimnya pada hemat masyarakat, barangan yang harganya murah biasanya tidak berkualiti, manakala barangan yang mahal pasti mempunyai kualiti tinggi dan tahan lasak. Oleh itu, kepentingan dalam membeli barangan buatan negara sendiri perlu diuar-uarkan dan dipergiat bagi membuka mata rakyat tempatan agar mereka tidak menganaktirikakn produk sendiri." **- Pereka Tempatan JAZ, BSB.**

"Satu kepentingan paling dominan dalam membeli barangan buatan negara sendiri ialah dapat mengelakkan pengaliran mata wang kita ke luar negara. Mata wang sendiri kita tidak akan mengalir keluar jika rakyat Brunei Darussalam sendiri mengutamakan dan membeli barangan tempatan dalam memenuhi keperluan harian mereka. Dana utama negara juga akan meningkat sekali gus akan dapat membendung masalah inflasi dan kini sudah sampai masanya bagi saya untuk rakyat di negara ini mengubah tanggapan negatif yang beranggapan bahawa barangan import lebih baik daripada barangan tempatan." **- Haji Zul Fakri.**

Jelaslah bahawa apabila semua rakyat tempatan memilih dan membeli produk tempatan, kita sebenarnya telah berjaya mengawal mata wang kita daripada mengalir ke luar negara. Dalam menghadapi cabaran globalisasi, kita perlu mengikis sikap dan pemikiran yang memandang rendah terhadap barangan buatan tempatan, dan sebaliknya membina semangat 'Brunei Boleh' dalam semua aspek termasuk soal kualiti dan standard barangan sendiri. Cuma yang tinggal sekarang bagi pendapat saya selaku penulis pada ruangan ini ialah masalah promosi, di mana ia memerlukan pihak-pihak tertentu dan juga masyarakat untuk sama-sama berganding bahu mempromosikan, mengangkat martabat produk tempatan kita dan juga memajukan lagi perusahaan tempatan kitani sekali gus terus berusaha membantu dan membimbing para pengusaha dan peniaga yang aktif dalam bidang masing-masing lebih-lebih lagi kepada Pengusaha Kecil dan Sederhana kitani, apa yang diharapkan Kempen Belilah Barangan Buatan Brunei dapat dijalankan secara berterusan kerana sudah menjadi tabiat masyarakat kita mudah lupa dan perlu digerakkan melalui kempen untuk mendedahkan kepada mereka produk keluaran tempatan sendiri kerana jika bukan kita rakyat di negara ini untuk menjulang, mendedahkan serta membanggakan produk buatan tempatan, siapa lagi yang akan menjulangkan produk buatan kita sendiri kerana itu kita harus menggalas tugasan kita mempromosikannya sehingga mereka ini mencapai kejayaan terutama kepada *entrepreneur* belia kerana mereka inilah harapan negara dalam meneruskan hasrat negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*
**i. Sifat menabung kewangan dan emas**
**ii. Kebaikan dan keburukan kad kredit**

## Kenali Bahasa Brunei

**lumih-lumih** bermaksud butir atau bahagian kecil daripada sesuatu percakapan dan lain-lain.
Contoh pemakaian kata : siapakan marati mun inda tantu **lumih-lumih** kurapaknya.

**cabur-cabur** bermaksud
1 terjun berulang-ulang ke air semasa mandi.
Contoh pemakaian kata : mun aing dalam ani, iskitah kanak-kanak mandi, **cabur-cabur** saja tia.

2 kiasan berkali-kali datang atau berkunjung.
Contoh pemakaian kata : mun daulu, **cabur-cabur**ku ka rumahnya atu, karang anitah inda.

**cakah** bermaksud
1 suka dan rajin bekerja.
Contoh pemakaian kata : **cakah** Si Dayang atu, inda payah disuruh-suruh bakaraja.

2 ada tenaga atau ada upaya.
Contoh pemakaian kata : lakat lagi **cakah** nini atu, waimapun umurnya 90 taun.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

## Selera Kampung Kitani

## KAMPUNG MELILAS



Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

# Ikan Tapah Masak Dalam Buluh (Masak Pansuh)

**BAHAN-BAHANNYA :**

Ikan tapah
1 inci halia (ditumbuk)
2 biji bawang merah (ditumbuk)
7 ulas bawang putih (ditumbuk)
4 batang serai (16 cm panjang) (ditumbuk)
3 batang umbut kantan (28 cm ditumbuk)
1 biji lada merah (18 cm untuk hiasan)
Sedikit serbuk perasa
Sedikit garam (secukupnya)
Sedikit asam jawa

**CARA MEMBUATNYA :**

Ikan tapah yang dipotong sederhana dan dibersihkan dahulu bersama garam. Setelah itu, halia, bawang merah, bawang putih, serai dan umbut kantan ditumbuk, kemudian perapkan bersama ikan tapah dan serbuk perasa secukupnya untuk beberapa minit.

Kemudian masukkan ikan ke dalam buluh, masukkan sedikit air dan diletakkan di atas api hingga masak. Kemudian tuang dan letakkan ke dalam mangkuk dan hiaskan dengan lada merah. Ikan siap untuk dihidangkan.

Pelita Brunei

# Sukan

## INFO SUKAN

PASUKAN Gemilang Biru 8 telah dinobatkan juara keseluruhan Perlawanan Tiga Cabaran iaitu Rock Climbing; Larian Menempuh Halangan dan Tarik Kalat setelah berjaya mengumpul 45 mata yang diadakan di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Tempat kedua ialah Pasukan Alumni PKBN 1 dengan jumlah pungutan 33 mata dan di tempat ketiga dengan pungutan sebanyak 31 mata ialah Pasukan Orang Kaya Muda.

ePaper Pelita Brunei

# DPMM FC berpesta gol benam Seri Wira FC





ANTARA aksi kedua-dua pasukan pada perlawanan Bola Sepak Liga Perdana Brunei DST di antara DPMM FC berjersi putih / hitam dan Rimba Star FC berjersi merah berlangsung di Padang Mini Jerudong Park.

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**JERUDONG**, Isnin, 4 Februari. - Pasukan DPMM FC berjaya menewaskan pasukan Seri Wira FC, 4-0 pada Perlawanan Liga Perdana Brunei DST 2018 - 2019 yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium petang kelmarin.

Pada separuh masa pertama perlawanan, Md. Hakeme Yazid bin Said mendahului jaringan pada minit ke-23 sekaligus memberikan mata pertama buat pasukan DPMM FC.

Pasukan DPMM FC sekali lagi mengejutkan pasukan lawan apabila pemainnya, Md. Azim Izamuddin bin Haji Suhaimi menjaring gol ke gawang lawan di minit ke-31.

Pada separuh masa kedua, kedua-dua pasukan terus berentap dan terus mengatur pelbagai strategi perlawanan menentang pasukan lawan masing-masing.

Namun, kemenangan lebih berpihak kepada pasukan DPMM FC apabila berjaya menambah dua lagi gol melalui jaringan Md. Wafi bin Aminuddin pada minit ke-66 dan Md. Hakeme Yazid bin Said pada minit ke-69.

Pasukan DPMM FC mengekalkan kedudukannya sehingga masa perlawanan ditamatkan.

Liga Perdana Brunei DST 2018/2019 menyaksikan penyertaan lapan buah pasukan termasuk BSCRC FT, Brunei DPMM FC, Jerudong FC, Rimba Star FC, Rainbow FC, Seri Wira FC, Panchor Murai FC dan Tabuan Muda.

# Tabuan Muda tewaskan Rainbow FC



PERLAWANAN antara Tabuan Muda (jersi kuning) dan Rainbow FC (jersi hitam) dalam Liga Perdana Brunei DST 2018/2019 yang telah diadakan di Kompleks Sukan Berakas.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Isnin, 4 Februari. - Pasukan Tabuan Muda mengekalkan rekod tanpa kalahnya apabila menewaskan pasukan Rainbow FC, 5-1 pada perlawanan Liga Perdana Brunei DST yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas pada petang kelmarin.

Pada perlawanan tersebut, Mohd. Azinur Rashiman bin Awang Haji Jufri menghadiahkan dua gol bagi pasukannya, iaitu pada minit ke-9 melalui sepakan penalti dan minit ke-18.

Gol tunggal pasukan Rainbow FC hanya hadir pada minit akhir separuh masa pertama melalui jaringan Pengiran Muhd. Aliyul Azim bin Pengiran Matalie.



PERLAWANAN di antara Tabuan Muda (jersi kuning) dan Rainbow FC (jersi hitam) dalam Liga Perdana Brunei DST 2018/2019 yang diadakan di Kompleks Sukan Berakas.

Dua minit perlawanan memasuki separuh masa kedua, pasukan Tabuan Muda menambah gol ketiganya melalui sepakan Md. Aisan Aizuddin bin Abdullah Md. Aiman yang gagal diselamatkan oleh penjaga gawang pasukan Rainbow FC.

Selang tiga minit kemudian, Md. Aminuddin bin Haji Masri menghadiahkan gol keempat bagi pasukannya dengan sepakan tajam menembusi gawang pihak lawan.

Gol kemenangan pasukan Tabuan Muda dijaringkan pada minit ke-59 melalui Md. Eddy Shahrol bin Haji Omar.

Pasukan Rainbow FC yang hanya bermain 10 orang setelah seorang pemainnya dilayangkan kad merah cuba mencari peluang untuk menambah jaringan namun terpaksa akur dengan keputusan sehingga wisel penamat dibunyikan.



دتربيتكن اوله جباتن ڤنراڠن، جباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جباتن ڤرچيتقن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam